

**PERANCANGAN PENANAMAN PADI
DALAM KONTEK PEMBANGUNAN**

Sebuah Kes Study Di Kawasan Penanaman
Latihan Ilmiah Padi Pahang Tua, Pekan
Pahang

Kegada Puan Shieh Yeh, Pengerusi Jabatan Antropologi dan
Sosiologi, Universiti Malaya yang telah menghasilkan banyak masa menyelia
serta memberi bimbingan dan petunjuk yang berkesan.

Kegada Puan Latihan Ilmiah, Menteri Haji Anwar yang telah
memberikan bimbingan **BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN**
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
yang telah memberikan bimbingan serta menyelia fail-fail dan laporan-
laporan (membantu) Kertasaya Puan yang terdapat di Pejabat Daerah.

Kegada Pengerusi Daerah, Pengerusi Palang, Menteri Utama
Anwar Kuali yang telah bekerjasama dalam mendapatkan data-data, laporan-
laporan serta bimbingan-risalah yang ada berkenaan dengan hal-hal ini.

Kegada Sarjana Sainsi Khidma Mubamad, Pengerusi Persekitaran Pejabat
Tahang, Sarjana Ahmad Anwar Mph, Pengerusi Persekitaran Daerah Pekan, Sarjana
Sainsi Khidma Ya' van daripada **Oleh** Perit dan Yellair, tidak ketinggalan
juga Sarjana Khidma Kengat dan Pahang Tua, Puan-Kuan Kengat Kengat
dan Sarjana Khidma **No. Metrik: 17950** sehingga dapat masa berjalan.

Kegada Sarjana Kuali Ahmad dan Sarjana Utama Khidma, daripada
Universiti Malaya yang telah menghasilkan banyak masa untuk membantu
dalam menjalankan tugas-tugas keagamaan.

Kegada penerbit-penerbit yang menyertai tugas-tugas.

Atas nama keagamaan risalah-risalah sarjana dan Puan Khidma
Haji Ahmad yang telah memberikan bimbingan dan petunjuk serta menyelia
hasil dengan penuh **JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**

UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
OKTOBER 1974

Universiti Malaya
Kuala Lumpur
1974.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PENGHARGAAN

Penghargaan yang setinggi-tingginya ditujukan kepada orang-orang berikut kerana pertolongan mereka dalam banyak hal sehingga membolehkan Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan.

Kepada Puan Rokiah Talib, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya yang telah menghabiskan banyak masa menyelia serta memberi bimbingan dan petunjuk yang berguna.

Kepada Pegawai Daerah Pekan, Incik Mokhtar Saji Awang yang telah memberikan kemudahan untuk menghubungi pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Pekan.

Kepada Penolong Pegawai Daerah Pekan, Saudara Ghazali Tahrin yang telah memberikan kemudahan untuk menyelidik fail-fail dan laporan-laporan Jawatankuasa Rancangan Paya yang tersimpan di Pejabat Daerah.

Kepada Pengurus Besar, Persatuan Peladang, Saudara Othman Awang Kecil yang telah bekerjasama dalam mendapatkan data-data, laporan-laporan serta risalah-risalah yang ada hubungan dengan kajian ini.

Kepada Saudara Zainal Abidin Mohammed, Pegawai Pertanian Negeri Pahang, Saudara Ahmad Awang Ngah, Pembantu Pertanian Daerah Pekan, Saudara Zainal Abidin Pa' Wan daripada Jabatan Parit dan Taliair, tidak ketinggalan juga Penghulu Mukim Langgar dan Pahang Tua, Ketua-Ketua Kampong Lamir dan Tanah Putih kerana memberikan maklumat-maklumat yang amat berguna.

Kepada Saudara Ismail Ahmad dan Saudara Othman Ibrahim, daripada Universiti Malaya yang telah menghabiskan banyak masa untuk membantu dalam menjalankan Temuduga kepada petani-petani.

Kepada petani-petani yang menyertai temuduga.

Akhir sekali kepada rakan-rakan serumah dan Puan Shamsidar Haji Ahmad yang telah memberikan galakan dan sokongan serta menunjukkan minat dengan nasihat-nasihat yang berguna.

Universiti Malaya
Kuala Lumpur.
1974.

KANDUNGAN

Halaman

SENARAI JADUAL	iv
SENARAI PETA	v
PENGHARGAAN	i
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Keperluan Menambahkan Pengeluaran Padi	1
Landasan Kajian	2
Tujuan Kajian	4
Metode Kajian	4
Hipotesis	5
Definisi Konsep	7
Perubahan Teknologi	7
Pembangunan dan Perancangan	9
Masalah Kajian	10
Latarbelakang Tempat Kajian	11
Pembahagian Sawah	13
Sejarah Ringkas Perkembangan Antara 1963 - 1973	14
II RANGKAIKERJA THEORETICAL	19
Pembangunan	19
Konsep Pembangunan	20
Rancangan Lima Tahun: Bagi Persediaan Material	24
Pelaksanaan Pembangunan	25
Pahang Tua Dalam Siri Pembangunan	29
III PERANCANGAN PENANAMAN PADI PAHANG TUA	31
Perancangan Dari Sudut Dasar dan Polisi	31
Rancangan Perairan	32
Rancangan Pertanian	32
Pendidikan Pertanian	33
Pusat Latihan Pertanian	33
Pusat Latihan Perjenteraan Pertanian	34
Perkhidmatan Kereta Penerangan	35
Lawatan-Lawatan	35
Organisasi Rancangan	36
Jawatankuasa Rancangan Paya Pahang Tua/Langgar 1965-1968	36
Jawatankuasa Pemulihan Paya 1970	37

Santunan Pemulihan Mengsa Banjir 1971	38
Membersihkan Kawasan Bertunggul 1972	38
Gerakan Pembaharuan Kempen Menanam Padi 1973	39
Persatuan Peladang	40
Lembaga Pertubuhan Peladang	40
Kesan Perancangan	42
Kesan Daripada Rancangan Perairan	42
Kesan Tindakan Jabatan Pertanian	42
Kesan Tindakan Jawatankuasa Paya	43
Sambutan Terhadap Persatuan Peladang	46
Kelemahan Perancangan	47
Kelemahan Organisasi Perancangan	48
Kelemahan Persediaan Teknologi	52
 IV MASALAH SOSIO-EKONOMI DALAM PERANCANGAN	 55
Pemilikan Sawah	55
Kerja Yang Berbagai-Bagai	56
Minat Terhadap Penanaman Padi	59
Keperluan Petani	61
Keagamaan	62
Hubungan Pegawai dan Petani	63
Sikap Pegawai-Pegawai Terhadap Petani-Petani	65
 V KESIMPULAN	 67
Organisasi dan Pentadbiran Rancangan	67
Persediaan Teknologi	68
Faktor Sosial	68
Kerja Yang Berbagai-Bagai	69
Minat Belia Terhadap Penanaman Padi	69
Keperluan Petani-Petani	70
Keagamaan	70
 Lampiran	
I. Jadual Temuduga	72
 Bibliografi	 76
 Risalah dan Lapuran	 77

SINARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Keluasan Sawah Yang diKerjakan Serta Pendapatan Hasil Padi Antara 1963 - 1973	15
2. Bilangan Ahli Persatuan Peladang	47
3. Pemilikan Sawah	56
4. Pendapatan Utama	57
5. Pembahagian Masa Untuk Menanam Padi Berbanding Dengan Kerja- Kerja Lain	57
6. Pembahagian Petani Mengikut Umur	59

SINARAI PETA

<u>Peta</u>	<u>Halaman</u>
1. Peta Topografi Pekan	11 (a)
2. Pembahagian Sawah	12 (a)
3. Jenis-Jenis Sawah	12 (b)

...menambah hasil pengeluran padi
dengan memperlebar ladang-ladang atau teknik penanaman.

Pembahasan hasil peng... **BAB I** telah dibuat dengan dua subbab
yaitu: pertama dengan menambahkan bilangan beras padi dan kedua
PENDAHULUAN
dengan menambahkan hasil pengeluran ke arah beras. Pembahasan yang

1. Keperluan Menambahkan Pengeluaran Padi

...ini dalam menambahkan hasil pengeluran padi seperti. Ini terbukti
Perusahaan penanaman padi adalah yang kedua penting dari segi
dengan produksi beberapa beberapa Persewaan penanaman seperti di
penggunaan tenaga buruh dan tanah di Malaysia. Hasil tanaman padi
Tanjang Kuning, Projek Mula, Projek Kuning serta beberapa projek hasil
dalam tahun 1970 ialah 1,658,000 ton dan luas tanah yang diusahakan
yang lain, yang akan akan akan akan akan akan akan akan akan akan
untuk menanam padi telah bertambah sebanyak 7%. Pengeluaran padi di
juga penanaman yang ditambah. Laporan dari Bank Tanah Malaysia 1969/70
negara ini pada keseluruhannya menunjukkan kemajuan yang agak besar
... "Since the supply of fertilizer falls short of the annual
bila dibandingkan dengan beberapa negara pengeluar padi di Asia. Malaysia
... which has to be offset by increasing annual output, government
menduduki tempat ke empat dalam pengeluaran padi di Asia dengan hitung
... is concentrated on the supply of fertilizer water to areas where it
panjang pengeluaran sebanyak 2,480 lb. (310 gantang) bagi tiap-tiap
... the provision of fertilizer is about 10 per cent
ekar yang dituai. Dasar kerajaan dalam perusahaan penanaman padi ialah
... by these means, more of the existing arable land will be used for
ke arah kecukupan beras dalam negara.¹

Keperluan untuk menambahkan pengeluaran padi sudah lama di-
sedari oleh negara-negara di Tenggara Asia dan di sini tidak ketinggalan
juga Malaysia. Hakikat ini telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia
Kedua, di mana dinyatakan, "Double-cropping of padi is an important
means of raising the productivity and income of farmers."² Walaupun
matlamat ini boleh dicapai dalam jangka waktu yang ditetapkan, namun
penambahan bilangan penduduk dalam masa yang akan datang akan memberikan
masalah. Malangnya oleh sebab bilangan yang telah dinyatakan bagi bilangan

¹ Malaysia Secara Rengkas, diterbitkan oleh Jabatan Penerangan
Malaysia, Kementerian Penerangan, dicetak oleh Percetakan Centre
sendirian Berhad, Petaling Jaya, halaman 73.

² Second Malaysia Plan 1970-1975, halaman 136.

takanan kepada kerajaan untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran padi dengan memperbaiki ladang-ladang atau teknik penanaman.

Penambahan hasil pengeluaran boleh dibuat dengan dua cara, iaitu; pertamanya dengan menambahkan keluasan sawah padi dan; keduanya dengan menambahkan Hasil Pengeluaran se ekar sawah. Kecenderongan yang diikuti oleh kerajaan di Malaysia ialah dengan menggabungkan kedua-dua cara ini dalam menambahkan hasil pengeluaran padi negara. Ini terbukti dengan pembukaan beberapa Rancangan Perairan besar-besaran seperti di Tanjong Karang, Projek Muda, Projek Kemubu serta beberapa projek kecil yang lain, yang bukan sahaja membolehkan penanaman dua musim, bahkan juga penanaman yang dikawal. Laporan dari Buku Tahunan Malaysia 1968/69 menyatakan, "Since the supply of foodstuff falls short of the annual requirement, which has to be offset by increasing annual import, government has concentrated on the supply of Irrigation water to areas where it is inadequate and the provision of Drainage in areas of permanent inundation. By these means, more of the existing as well as new padi lands are being brought into production."³

2. Landasan Kajian

Dengan hakikat ini maka kajian yang dibuat dalam buku nipis ini akan memfokuskan perhatian kepada aspek Perancangan dalam usaha kerajaan untuk menambahkan hasil pengeluaran padi negara. Pengkaji sedar bahawa masalah penanaman padi tidak hanya terletak kepada perancangan, bahkan latar belakang sosial juga menyumbangkan beberapa masalah. Malangnya oleh sebab halaman yang telah diuntukkan bagi kajian

³ *Malaysia Year Book 1968/9; A Malay Mail Publication*, halaman 234.

tidak mengizinkan maka pengkaji akan hanya membuat penyelidikan khusus dari aspek perancangan.

Perancangan penanaman padi termasuk dalam skema pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan di negara ini. Oleh itu perancangan akan dikaji daripada hakikat pembangunan masyarakat, kerana segala perancangan yang dijalankan adalah berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan yang dikeluarkan oleh kerajaan di peringkat pusat.

Jadi tema kajian ini adalah, "Perancangan Penanaman Padi Dalam Kontek Pembangunan" yang dianjurkan oleh kerajaan menggunakan 'case study' daripada kawasan penanaman padi Pahang Tua, sebuah mukim dalam daerah Pekan, Pahang.

Kajian tentang penanaman padi memang telah banyak dilakukan dan bahagian besarnya dibuat oleh ahli-ahli ekonomi untuk menyelidik keadaan tempat, sebelum sesuatu rancangan dijalankan. Antara kajian-kajian ini adalah yang dibuat oleh Selvadurai, Ani Arope dan Nik Hassani Mohammed dalam, 'Socio-Economic Study of Padi Farmers in the Kemubu Areas of Kelantan 1968.'⁴ Kajian yang sedemikian rupa sering merupakan 'Pembuka Jalan' kepada satu-satu rancangan dan kerap kali bertujuan untuk melicinkan jentera perancangan. Setakat yang diketahui, kajian untuk mengukur sejauh mana sesuatu rancangan itu telah berjaya atau gagal, di negara ini, masih berkurangan. Kebanyakan orang-orang mempunyai tanggapan bahawa terciptanya sesuatu rancangan itu sudah memastikan kejayaan dalam mencapai matlamat. Dalam banyak hal tanggapan seperti ini adalah tidak benar. Walaupun rancangan telah dibuat dan disusun

⁴Selvadurai, S., Ani Arope, Nik Hassani Mohammed; Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Areas of Kelantan, 1968, Ministry of Agriculture and Co-operatives Malaysia, October 1969.

dengan begitu rapi sekali, namun mutlak yang diharapkan sering tidak dapat dicapai.

3. Tujuan Kajian

Disamping memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya, kajian yang berbentuk Latihan Ilmiah ini juga diharapkan dapat mendedah beberapa masalah yang menyebabkan kegagalan Rancangan Penanaman Padi di Pahang Tua yang dialami oleh Kerajaan Negeri Pahang. Agar dengan usaha ini ianya akan dapat memberikan faedah kepada pihak perancang yang menjalankan Projek Penanaman Padi untuk menyusun semula strategi-strategi bertindak.

Kegagalan rancangan diperlihatkan oleh keengganan petani-petani mengusahakan Penanaman Dua Musim. Kegagalan juga terdapat dalam usaha menjayakan penanaman dengan keluasan seratus peratus; maksudnya sawah sawah tidak pernah diusahakan kesemuanya, walaupun kawasan itu mempunyai sistem perairan yang moden. Kesedaran tentang hal ini telah dinyatakan oleh Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang, Incik Ahmad Sarji, dalam lawatan beliau ke Pusat Pertanian Tanah Puteh, Pekan pada 8hb. April, 1974.

4. Metode Kajian

Kajian ini merupakan kajian 'case study' yang menggunakan pendekatan 'sociological' dalam aspek perancangan. Untuk mendapatkan bahan-bahan serta data-data bagi kajian ini beberapa cara telah digunakan:-

(a) Mengadakan temuduga secara formal dan tidak

formal dengan pegawai-pegawai yang terlibat

dengan perancangan, Penghulu Mukim, Ketua-ketua

Kampung serta beberapa orang kenamaan di

kawasan Penanaman Padi itu.

- (b) Mendapatkan bahan-bahan dengan menggunakan 'questionnaire' yang dikemukakan kepada petani-petani. Untuk mengelakkan kesilapan berlaku, pengkaji sendiri telah mengemukakan soalan-soalan mengikut jadual yang telah disediakan dan mencatatnya ke dalam borang.
- (c) Pengkaji pergi sendiri ke sawah-sawah padi untuk memerhatikan kerja-kerja yang dilakukan oleh petani-petani secara 'first-hand information'.
- (d) Menyelidik laporan-laporan Rancangan daripada fail-fail Jawatan Kuasa Rancangan serta juga risalah-risalah dan laporan rasmi kerajaan.

Seramai 75 orang petani-petani daripada jumlah 1,075 orang telah dipilih secara random untuk digunakan sebagai 'sample'. Disamping itu 20 orang lagi telah ditekadukan dan ini termasuk Pegawai-Pegawai Jabatan, Ketua-Ketua Kampong, Penghulu dan orang-orang kenamaan.

Analisa kajian dibuat secara analisa sebab musabab (casual analysis) dengan bukan sahaja menghuraikan (describe) masalah, bahkan juga menerangkan (explain) bagaimana satu-satu masalah itu boleh wujud. Di samping itu penulisan juga dibuat dengan mengesan perkembangan mengikut tahun. Ini perlu untuk memahami kegagalan dan kemajuan rancangan itu.

Haipotesis

Oleh kerana kajian ini menumpukan perhatian terhadap perancangan, maka Haipotesis yang digunakan untuk menjadi panduan penyelidikan adalah berhubung dengan persediaan bagi Perubahan Teknologi di bidang ekonomi,

khususnya pertanian. Kita menyadari hakikat bahawa, "Technological progress is the prime mover of Economic Development."⁵ dan kita juga sedari mutlak kerajaan dalam usaha membangunkan negara adalah mengujudkan masyarakat petani yang moden, progresif serta dinamik.⁶ Jadi sudah tentu alat ataupun media yang boleh membawa kepada pencapaian hakikat ini adalah 'Perubahan Teknologi'. Oleh itu HAIPOTESIS yang dibentuk oleh pengkaji adalah demikian:-

"Kegagalan Rancangan Pembangunan Ekonomi Luar Bandar adalah disebabkan oleh Kegagalan dalam Persediaan Perubahan Teknologi yang memuaskan."

Bahagian besar kajian akan menunjukkan sejauh mana persediaan teknologi telah diberikan kepada petani-petani dengan cuba membuktikan:-

- (a) Adakah kegagalan Rancangan Penanaman Padi di Pahang Tua ini disebabkan oleh Persediaan Teknologi yang kurang; iaitu Perancangan yang tidak baik.
- (b) Adakah kegagalan disebabkan oleh faktor-faktor sosial yang terdapat dalam masyarakat. Walaupun persediaan teknologi tidak diberikan dengan sepenuhnya. Di sini kelemahan bukannya letak pada perancangan, tetapi kepada faktor-faktor sosial.

⁵ Weiner, Myron, Modernization, the Dynamic of Growth, Voice of America Forum Lecture, U.S. Information Agency, Washington, 1966, halaman 252.

⁶ Gerakan Pembaharuan, Pembangunan Masyarakat, diterbitkan oleh Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri, dicetak oleh Peretakan Abadi PJ. Halaman 10-11.

Beberapa Variable digunakan sebagai assumsi untuk menguji

hipotesis ini:-

Hipotesis ini:- *... physical and biological phenomena, including*

1. Kelemahan Perancangan dari segi Organisasinya.
2. Kurang Persediaan Teknologi yang cukup dari segi material dan non-material.
3. Pendidikan Asas yang kurang dikalangan petani-petani untuk penyerapan teknik-teknik baru.
4. Sikap petani-petani yang konserbitif sebagai penghinder kemajuan Rancangan.
5. Amalan-amalan keagamaan yang dipegang oleh petani-petani sebagai Penghalang Kemajuan.
6. Petani-petani tidak bekerjasama kerana tidak ada keperluan untuk menambahkan pendapatan mereka.
7. Ketiadaan Tenaga Kerja yang cukup untuk mengendalikan sawah-sawah padi oleh kerana ekonomi yang diversified yang diamalkan oleh petani-petani.
8. Ketiadaan Tenaga Kerja yang cukup disebabkan pengaliran anak-anak muda keluar dari kampung.

5. Definasi Konsep

- (a) Perubahan Teknologi: Sebelum memahami akan konsep 'Perubahan Teknologi' ada lebih baik sekiranya difahamkan terlebih dahulu akan pengertian Teknologi (Technology) yang digunakan dalam

kajian ini. Menurut Richard T. LaPiere, "The Technology of a society is conceptually distinguishable from else in that it

consists of device, knowledge and skill by which man control and utilize physical and biological phenomenon, including their own bodies."⁷ Jadi teknologi adalah dimaksudkan dengan keseluruhan proses yang melibatkan Peralatan, Pengetahuan dan kecekapan di dalam satu-satu bidang; dan di sini dimaksudkan bidang pertanian. Kekeliruan sering dibangkitkan apabila menggunakan istilah "Teknik", seperti dalam kata S.H. Frankel, "It is important to recognise that an activity (or performance) which, for convenience, we describe as technical, does not consist of two parts, namely of:-

(a) knowing how to do a thing and of,

(b) doing it.

It consist essentially of one process as a whole, the conducting of the activity itself."⁸ Jadi dalam konteks ini teknik ataupun teknologi adalah membawa pengertian ianya mestilah melibatkan peralatan (material) dalam bidang ekonomi serta juga pengetahuan (non-material) tentang penggunaan material itu.

Berhubung dengan perubahan teknologi, maka adalah di harapkan teknologi yang moden di bidang pertanian akan dapat menambahkan hasil pengeluaran pertanian. Persoalan yang ingin dikemukakan adalah: berapa lama akan diambil untuk mengubah teknologi dari segi pengetahuan dan kecekapan. Walaupun per-

⁷ LaPiere, Richard T.. Social Change, McGraw-Hill book Co. 1965, halaman 253.

⁸ Frankel S.H. Some Aspect of Technical Change, dalam Studies in Economic Growth, ed. Okun and Richardson, Holt and Rinehart & Winston, 1961, halaman 410.

alat dapat disediakan dalam masa yang singkat adakah pengetahuan dan kecakapan atas penggunaan teknologi ini dapat dicapai dalam masa yang sama. Masalah ini sebenarnya tidak begitu rumit, seperti dalam kenyataan Frankel, "This can be illustrated by the arrestingly simple example which Professor Oakshott has used in support of his thesis; 'political activity comes first and a political ideology follows after'".⁹

Dengan demikian, sekiranya peralatan-peralatan serta latihan-latihan telah diberikan dengan memuaskan maka tidak ada sebab perubahan tidak berlaku, kerana perubahan mesti berlaku dengan sendirinya.

- (b) Pembangunan dan Perancangan: Pembangunan adalah istilah yang memberikan satu konsep yang meluas dan apa yang difahamkan dengan Pembangunan ialah Proses menuju ke arah Kemajuan; iaitu modernisasi. Pembangunan dalam penggunaan Kajian ini tertumpu khusus kepada Pembangunan Ekonomi dan tidak dimaksudkan dengan Pembangunan Sosial, Politik atau Kebudayaan, walaupun ketiga-tiga konsep ini mempunyai hubungan yang rapat dengan ekonomi.

Pembangunan menunjukkan pergantungan kepada Perancangan, kerana Pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia merupakan Pembangunan yang dirancang atau "Planned Change", yang disedari, disenghajakan serta mempunyai tujuan (conscious, deliberate and intentional). Oleh itu Gagah dan Jayanya satu-satu Rancangan Pembangunan boleh disusur galurkan dari hakikat Pembangunan itu sendiri, kerana Rancangan Pembangunan

⁹ Ibid.

akan dicerminkan oleh Pelaksananya.

Perancangan pula melibatkan dua unsur, Perancang dan Penerima (petani-petani). Gerak serta hala Rancangan ditentukan oleh Perancang manakala kerja sebenar, pada kenyataannya, dilakukan oleh Penerima. Dalam hal ini hubungan erat, kepercayaan dan kerjasama sahajaiah yang boleh membawa kepada pencapaian kejayaan satu-satu projek pembangunan.

6. Masaalah Kajian

Beberapa masaalah telah ditemui semasa menjalankan kajian ini, khususnya dalam usaha untuk mendapatkan bahan-bahan kajian:-

- (a) Kebanyakan petani-petani bukan sahaja curiga, bahkan mereka takut untuk mengeluarkan pendapat mereka yang bebas. Ini adalah pada sangkaan mereka, pengkaji merupakan ejen kerajaan.

Walaupun telah dinyatakan bahawa penyelidikan ini hanya untuk tujuan ilmiah, namun mereka kurang yakin.

- (b) Tujuan pengkaji pada mulanya ialah untuk mendapatkan petani-petani yang benar-benar boleh mewakili sesuatu kawasan kerja. Iaitu bilangan yang sama akan diambil untuk ditemuduga bagi tiap-tiap blok, kerana ini akan membolehkan satu kajian yang benar-benar 'representation'.

Halangnya tujuan tidak dapat dipenuhi kerana petani-petani kurang sangat ditemui di sawah-sawah. Di setengah-setengah blok tidak ada

langsung petani-petani yang mengerjakan sawah.

Pengkaji ada ketikanya terpaksa berjalan meniti

batas sejauh satu batu untuk mendapatkan seorang peserta temuduga. Untuk mendapatkan mereka di rumah-rumah juga sukar oleh kerana petani-petani yang mengerjakan sawah dalam satu-satu blok tertentu tidaklah datang dari satu-satu kampong yang sama. Tempat tinggal mereka kadang-kadang berbelas-belas batu jauhnya dari sawah-sawah mereka.

- (c) Kurang atau tidak ada lapuran lengkap dari segi perancangan diperingkat daerah. Bahan-bahan diambil daripada pegawai-pegawai yang lebih cenderung kepada pemberian data-data agak-agakan. Ini adalah kerana tidak ada satu Rekod Kemajuan yang rasmi disimpan menunjukkan pencapaian yang dibuat dalam satu jangka masa.
- (d) Masa kajian dilakukan, iaitu antara bulan Mac hingga bulan Mei (semasa cuti panjang) agak terlalu singkat. Pengkaji hanya dapat membuat penilaian yang berupa spekulatif untuk hasil kerja yang dijalankan oleh petani-petani bagi tahun itu (1974). Tambahan pula dengan kerja yang tidak serentak, di mana setelah siap temuduga dijalankan ada lagi petani-petani yang baru mula membajak sawah manakala yang lainnya telah siap mencedung.

7. Latar Belakang Tempat Kajian

Kawasan yang dikaji ini letaknya antara Grid Bujur (horizontal)

500 Timur hingga 544 Timur, dan antara Grid Lintang (vertical) 270 Utara hingga 343 Utara, termasuk dalam Mukim Pahang Tua dan Mukim Langgar di dalam daerah Pekan, Pahang. Ini merangkumi kawasan seluas lebih kurang lapan batu persegi. Bagaimanapun tumpuan kajian hanyalah ke atas kawasan yang termasuk dalam Rancangan Perairan yang seluas 3,456 ekar sahaja.¹⁰


Di bahagian Selatannya terletak Sungai Pahang, di bahagian Timur pula terletak Sungai Pahang Tua. Di sebelah Barat dan Utara kawasan ini disempadankan oleh jalan raya Pekan - Kuantan. Keseluruhan kawasan ini dan kawasan-kawasan sekitarnya bolehlah dikatakan sebagai Tanah Rendah, kerana ianya adalah kurang dari 50 kaki di atas aras air laut. Kawasan yang dipinggir Sungai Pahang adalah lebih tinggi sedikit daripada kawasan-kawasan pendalaman. Tanah ini melandai hingga kepada tanah sawah dan di mana ianya tidak ditanam dengan padi, terdapat tanah rendah belukar yang di sana sini telah diusahakan dengan penanaman kelapa dan lain-lain.

Di pinggir kedua-dua sungai Pahang dan Sungai Pahang Tua inilah terdapat perkampungan serta ladang-ladang getah yang diusahakan secara Kebun Kecil. Sebatang jalan telah dibina menyusur tanah tinggi di tepi Sungai Pahang dan Sungai Pahang Tua dan rusah-rumah kediaman terdapat di kiri kanan sepanjang jalan ini.

Kawasan sawah yang seluas 3,456 ekar itu diselang-seli oleh parit dan taliair, dan disekelilingnya terletak beberapa buah kampung. Di bahagian Selatan Kampung Jambu, Kampung Benta, Kampung Langgar, di

¹⁰ Rujuk Topography Sheet, West Malaysia, No. 92 (Pekan)

PEMBAHAGIAN SAWAH



bahagian Baratnya Kampong Tanjung Langgar, Kampong Pahang Tua, Kampong Rantau Panjang dan Kampong Gembuang; di bahagian Utaranya Kampong Lamir dan Kampong Tanah Puteh. Dalam kawasan penanaman padi itu sendiri, iaitu di bahagian Barat Daya terletak Kampong Lepar Baru.

Sebuah Pusat Pertanian terdapat di Satu Lima Jalan Pekan Kuantan di dalam Kampong Tanah Puteh.

Pembahagian Sawah

Kawasan penanaman padi atau paya ini dibahagi-bahagikan kepada sembilan blok; enam daripadanya iaitu Blok-blok 1, 2, 4, 5, 7 dan 8 terletak dalam Mukim Pahang Tua, sementara yang tiga lagi iaitu Blok-blok 3, 6 dan 9 pula terletak dalam Mukim Langgar.

Tiap-tiap Blok ini dilingkungi oleh Parit dan Taliair serta di bahagikan kepada dua bahagian kecil (sub-division) oleh parit yang menyusur di tengah-tengah Blok itu.

Blok 1, 4 dan 7 letaknya di bahagian Utara sekali dan disempadankan di bahagian Utara oleh Jalan Raya Pekan-Kuantan dan di bahagian selatannya oleh Taliair Besar. Blok 2, 5 dan 8 terletak di tengah-tengah dan bersempadankan Sempadan Mukim Pahang Tua/Langgar di bahagian selatannya. Blok 3, 6 dan 9 terletak di sebelah Selatan sekali serta disempadankan oleh Parit Abu Talib di Selatannya.

Pada keseluruhannya sawah-sawah di kawasan ini bolehlah di bahagikan kepada empat jenis, iaitu:-

- (a) Sawah yang baik di mana tanahnya rata serta tidak bertanggul, terdapat di Blok-Blok 4, 5 dan 6.
- (b) Sawah yang tinggi, di mana setengah-setengahnya adalah empat kaki di atas paras taliair. Sawah-

sawah ini terdapat di Blok-Blok 7 dan 8 serta sebahagian daripada Blok 1.

(c) Sawah yang rendah di mana setengah-setengahnya adalah tiga kaki di bawah paras taliair. Ini terdapat di Blok 3.

(d) Sawah Cerang, iaitu sawah-sawah yang bertunggul dan ini terdapat di Blok 8 dan 9.

9. Sejarah Ringkas Perkembangan Latawa 1953-1973

Sawah Pahang Tua ini telah mula ditanam dengan padi dalam tahun 1938. Ketika itu luas sawah yang dikerjakan amat kecil sekali dan penanaman adalah merupakan penanaman padi Musim. Sistem Perairan yang siap dibina dalam tahun 1965 telah membolehkan kawasan penanaman padi ditambah menjadi seluas 3,456 ekar semuanya, serta membolehkan juga penanaman padi Dua Kali Setahun. Namun begitu hingga kini (1974) penanaman dua musim bukan sahaja tidak diusahakan, bahkan penanaman padi musim sekalipun tidak pernah dijayakan seratus-peratus. Dari jumlah kawasan keseluruhannya, keluasan yang paling besar pernah dijayakan adalah dalam tahun 1970, apabila seluas 2,700 ekar telah ditanam dengan padi. Ini bersamaan dengan 78.5% daripada jumlah kawasan semuanya.

Usaha untuk menanam dua musim sebenarnya telah cuba dibuat dalam tahun 1968 dengan daya usaha Jabatan Pertanian Pekan, tetapi sambutan daripada petani-petani adalah tidak memuaskan; hanya 700 ekar sawah sahaja yang dijayakan. Dengan tiadanya kerjasama daripada rakan-rakan mereka, maka petani-petani yang berminat terhadap penanaman dua padi, seluas 1,000 ekar telah diusahakan. Setelah tahun 1968 kebanyakannya musim ini enggan meneruskan usaha mereka pada tahun yang berikutnya.

Ini adalah kerana hasil daripada kerja mereka sangat-sangat tidak memuaskan. Walaupun padi menjadi tetapi terlalu banyak musuh-musuh

yang berserang dibendang-bendang yang tidak diusahakan.

Perusahaan Penanaman padi di Pahang Tua ini dapat dikesan daripada keluasan sawah yang dikerjakan selama sepuluh tahun antara 1963 hingga 1973. Di bawah ini diperturunkan perangkaan keluasan sawah serta pendapatan pada tiap-tiap ekar mengikut tahun. (Data-data ini diperolehi daripada dua sumber: 1963 - 1968 daripada Jawatankuasa Paya Pahang Tua/Langgar dan 1970 - 1973 daripada Persatuan Peladang).

Jumlah ekar telah Keluasan Sawah Dikerjakan Serta kepada 1,850 ekar pada tahun 1963. Pendapatan Hasil Padi Antara tahun-tahun 1963 hingga 1968 adalah petani-petani 1963 - 1970 perusahaan padi menunjukkan

<u>Tahun</u>	<u>Keluasan (Ekar)</u>	<u>Pendapatan Seekar (gt)</u>
1963	1,000	200
1964	850	200
1965	535	200
1966	1,294	364
1967	1,554	450
1968	1,890	500
1969	(Perangkaan Tidak Diperolehi)	
1970	2,700	400
1971	1,000	400
1972	1,826	450
1973	2,684	500 ¹¹

Dalam tahun 1963 daripada 1,800 ekar sawah yang boleh ditanam padi, seluas 1,000 ekar telah diusahakan. Menjelang tahun 1965 kurangnya

¹¹ Data-Data bagi Keluasan dan Pendapatan diperolehi daripada Jawatankuasa Paya Pahang Tua/Langgar dan Persatuan Peladang. Data-data ini sebenarnya tidak boleh dipertanggung jawabkan. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa Pendapatan se ekar bagi tahun 1973 adalah 320 gantang sahaja

sawah yang diusahakan menunjukkan kurang minat petani-petani terhadap penanaman padi. Luas sawah yang ditanam dengan padi pada akhir tahun itu ialah 535 ekar sahaja. Dengan siapnya Rancangan Perairan yang membolehkan pembukaan kawasan seluas 3,456 ekar, pada akhir tahun 1965 luas sawah yang ditanam dengan padi tahun berikutnya (1966) semakin meningkat; iaitu sebanyak 1,294 ekar. Sejak dari itu hingga kepada tahun 1968, satu penambahan dari keluasan sawah didapati, di mana jumlah ekar telah meningkat dari 1,554 pada tahun 1967 kepada 1,890 ekar pada tahun 1968. Dapat diperhatikan bahawa antara tahun-tahun 1966 hingga 1968 reaksi petani-petani terhadap penanaman padi menunjukkan minat yang semakin bertambah.

Apa yang sebenarnya berlaku dalam tiga tahun itu ialah setelah siap Rancangan Perairan, dalam tahun 1966 Kerajaan Negeri Pahang telah melancarkan kempen untuk menambahkan keluasan penanaman padi sesuai dengan kawasan baru yang dibuka. Dengan ini juga bantuan telah diberikan kepada setiap petani yang mengerjakan sawah di situ; \$20.00 bagi tiap-tiap ekar pada tahun 1966, \$15.00 bagi tiaptiap ekar pada tahun 1967 dan \$10.00 bagi tiap-tiap ekar pada tahun 1968. Malangnya dengan tidak diduga oleh pihak Perancang, berakhirnya bantuan kerajaan pada tahun 1968 memperlihatkan tamatnya minat petani-petani terhadap penanaman padi.

Tahun 1969, keluasan sawah yang dikerjakan berkurangan.¹²

Sebab-sebab yang dapat diberikan berhubung dengan hal ini adalah; pertamanya dengan berakhirnya siri Perancangan Tiga Tahun itu, maka jentera-jentera

¹²Tidak ada data yang boleh didapati; keterangan ini diberi oleh seorang pegawai dari Jabatan Parit dan Taliair.

membajak telah berkurangan kerana ditarik balik oleh Jabatan Pertanian. Jadi kekurangan jentera menyebabkan kesukaran untuk membajak sawah, tambahan pula tidak ada seorang pun petani yang memiliki jentera membajak ketika itu; keduanya dengan tiadanya bantuan, petani-petani mendapati tidak ada 'motivation' lagi untuk menanam padi. Kebanyakan mereka memberikan perhatian pula kepada penanaman lain yang selama ini telah ditinggalkan.

Tahun 1970 merupakan kemuncak dari segi keluasan sawah yang diusahakan; kira-kira 2,700 ekar, bersamaan dengan 78.5% daripada kawasan keseluruhannya. Tahun ini sebenarnya adalah satu tahun di mana Projek Pemulihan Mangsa-Mangsa Banjir telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Dalam banjir besar 1969/70 yang melanda negeri Pahang, kawasan Pekan dan khususnya Pahang Tua merupakan kawasan yang teruk sekali menerima bencana ini. Oleh itu satu projek Bantuan Membajak Sawah dengan sewa dibiayai oleh kerajaan, pemberian benih-benih, baja-baja serta racun telah diadakan. Bantuan ini menarik minat petani untuk menanam padi dan disamping itu segala mata pencarian lain mereka telah tertutup; ternakan habis mati dan tanaman-tanaman semuanya musnah. Dengan hal yang demikian petani-petani tidak ada jalan lain yang paling segera untuk memulihkan kehidupan mereka selain daripada menanam padi.

Tahun 1971, apabila tidak ada lagi bantuan kerajaan usaha penanaman padi telah berkurangan dan hanya 1,000 ekar sawah sahaja yang dikerjakan. Tetapi pada tahun yang berikutan (1972) keluasan sawah telah meningkat kepada 1,826 ekar.

Tahun 1973 apabila adanya Gerakan Peubaharuan, Kempen Menanam Padi, maka usaha petani-petani telah bertambah baik dan luas kawasan yang dijayakan meningkat kepada 2,684 ekar, iaitu bersamaan dengan 77.5% daripada keluasan yang telah diairakan. Kempen yang dijalankan dengan

daya usaha Pejabat Daerah Pekan, telah menyediakan segala kemudahan-kemudahan seperti persediaan Jentera Membajak yang banyak. Jentera-jentera membajak dari seluruh negeri Pahang telah ditumpukan ke kawasan Pahang Tua. Kemudahan-kemudahan lain seperti racun dan baja serta benih-benih jenis baik (mahsuri) telah disediakan dengan harga yang murah. Sawah-sawah telah dibahagi-bahagikan kepada unit-unit di mana tiap-tiap unit mempunyai Jawatankuasa Penyelaras untuk mengawasi kerja-kerja serta memberi pimpinan yang secukupnya. Dengan Perancangan yang agak teratur maka tidak heranlah mengapa keluasan sawah yang dikerjakan itu meningkat.

Dalam tahun ini (1974) tidak ada Rancangan yang dijalankan ke atas petani-petani ini. Kita akan lihat adakah keluasan sawah akan meningkat atau menurun; berakhir pada 10hb. April, 1974, iaitu dua bulan setelah tarikh menyemai ditetapkan (1hb. Februari, 1974) oleh Jawatankuasa Paya Pahang Tua, didapati hanya 10% sahaja petani-petani yang telahpun mulai menyemai manakala kira-kira 45% sahaja kawasan yang telah siap dibajak ataupun yang sedang dibajak. Sejauh mana keluasan sawah ini dapat bertambah, setakat ini tidak dapat ditentukan. Tetapi dari penyelidikan yang telah dibuat nampaknya walaupun ada penambahan, jumlahnya sudah tentu amat kecil sekali.

Bagaimanapun kita dapati di antara 1963 hingga 1973 tidak ada satu kelok yang semakin bertambah tahun demi tahun didapati dari penanaman padi di Pahang Tua ini. Luas sawah yang dikerjakan turun dan naik dari masa ke semasa dan tidak ada satu masa pun keluasan yang 3,456 ekar itu pernah dijayakan seratus peratus. Tahun-tahun yang menunjukkan penambahan usaha penanaman adalah tahun-tahun di mana ada rancangan-rancangan tertentu dijalankan; seperti Projek 1966-1968, Rancangan Pemulihan Banjir 1970 dan Kempen Gerakan Pembaharuan 1973.

BAB II

RANGKAIKERJA THEORETICAL

'PEMBANGUNAN'

Pembangunan

Rancangan Pembangunan Negara telah mulai dikenal sejak kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan Masyarakat dulu. Bersempena dengan hakikat ini, iaitu untuk memajukan penduduk luarbandar di samping membangunkan negara maka beberapa siri Pembangunan telah dimulakan, bermula dengan Rancangan Lima Tahun Malaya Pertama 1956-1960 hingga membawa kepada Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975.

Pembangunan Masyarakat mengikut definasi yang diberikan oleh United Nation dalam 'Report of the mission on rural Community Organisation and Development in Caribbean Areas and Mexico 1953.' adalah seperti berikut: "..... process during which people in small communities first discuss and define their wants and then plan and act together to satisfy their wants."¹ Ini bererti bahawa Pembangunan adalah kemajuan yang dirancang serta dilaksanakan oleh penduduk tempatan untuk memenuhi keperluan mereka. Tetapi memandangkan aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan dalam masa kebelakangan ini, Pembangunan merupakan "Perubahan Berancang" yang mengikut Bennis, Benne dan Chin satu Perubahan Sosial yang, "..... conscious, deliberate and intended at

¹ Batten, T.R., Communities and Their Development, ELBS and Oxford University Press 1957, halaman 1

least on the part of one or more agents related to the change attempt."²
Mereka juga berpendapat, strategi bertindak telah bertukar daripada,
"ideological form to technical one. The shift has been from, 'should
we seek to plan change' to 'how to plan particular change for particular
people in particular setting.'"³

Dalam konteks ini Pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan
di Malaysia samalah dengan definasi yang diberikan oleh T.R. Batten,
iaitu, "It include the whole range of activities in the district whether
they are undertaken by Government or official bodies."⁴ Aktiviti yang
diambil terus oleh kerajaan sahaja tanpa melibatkan orang ramai tidak
dapat menjamin kejayaan satu-satu projek Pembangunan. Oleh itu di
samping perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, Pembangunan seharus-
nya mementingkan kerjasama dan keperluan rakyat. Itulah sebabnya Batten
menambah kata, "It is identified with any form of local betterment which
is in some way achieved with the willing cooperation of the people."⁵

Konsep Pembangunan

Pembangunan Masyarakat membawa satu mutiara, iaitu modernisasi.
Jadi di sini arah yang dituju adalah menghidupkan satu masyarakat (petani)
yang moden, progresif serta dinamik.

Dalam mencapai modernisasi banyak sarjana mengatakan titik
permulaan bagi satu-satu modernisasi bukanlah pada bentuk masyarakat
tetapi adalah pada bentuk individu yang menganggotai masyarakat itu.

² Bennis, Benne and Chin (ed), Planning of Change, Holt and
Rinehart & Winston Inc. 1969, halaman 33.

³ Ibid., halaman 13.

⁴ Batten T.R., 1957, op. cit, halaman 1.

⁵ Ibid.

Cyril Black,⁶ seorang ahli sejarah mengatakan, masyarakat moden memperlihatkan ciri-ciri perkembangan ilmu pengetahuan; dengannya individu dapat menyesuaikan serta memahami akan rahsia alam sekeliling. Pengetahuan ini akan boleh digunakan dengan lebih efektif lagi dalam kehidupan mereka.

David McClelland, daripada aspek psikologi, menyatakan 'self-reliance' dan 'achievement orientation', sebagai syarat utama dalam membentuk manusia moden. "Need achievement orientation" ini akan hanya memberi kesan sekiranya ada 'opportunity' dan 'possibility'; iaitu sekiranya ada persediaan material dan keadaan environment yang boleh membantu individu-individu dalam masyarakat itu menuju ke arah modernisasi. Beliau percaya bahawa persediaan kebendaan yang diberikan kepada individu ini dapat membendung sikap mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru. Kebendaan sahaja tidak mencukupi, malah ianya mestilah dituruti dengan 'peluang-peluang' untuk mempraktikkan kebendaan itu. Maksudnya, mestilah ada latihan-latihan secara moden yang dapat memberikan pengalaman-pengalaman baru.

Alex Inkies, setelah membuat penyelidikan enam buah negara, menyimpulkan bahawa ada beberapa sikap yang dipunyai oleh manusia dalam masyarakat moden, tanpa mengira latar belakang kebudayaan; antara sikap-sikap ini adalah:-

- (a) Kesanggupan menerima perubahan dan mencuba cara-cara baru.
- (b) Sentiasa sedia memberikan pendapat.

⁶ Weiner, M. op. cit. halaman 4.

- (c) Kepentingan masa; iaitu di mana manusia lebih berminat kepada masa sekarang dan masa hadapan, daripada masa-masa lampau.
- (d) Kesedaran tentang menepati masa (punctuality).
- (e) Kecenderungan terhadap Perancangan, Organisasi dan kecekapan (efficiency).
- (f) Melihat dunia sebagai satu yang boleh dibuat perkiraan, (calculable).
- (g) Kepercayaan terhadap sains dan teknologi.
- (h) Kepercayaan terhadap keadilan yang berbilang-bagai.⁷

Jadi bagi Alex Inkles sebelum satu-satu negara yang sedang membangun itu dapat membuat Perancangan yang besar terlebih dahulu ianya harus memastikan bahawa 'benih-benih' modernisasi, atau 'precondition' untuk modernisasi ini telah tersesai dalam masyarakat. Menggunakan assumsi McClelland, precondition ini dicerminkan oleh beberapa sikap moden yang wujud dalam masyarakat itu.

Berasaskan konsep ini dan memfokuskan perhatian khusus kepada masyarakat desa, kita tidak menafikan bahawa penduduk-penduduk desa ini telah mempunyai benih-benih modernisasi kerana mereka sudah begitu lama didedahkan kepada pengaruh-pengaruh moden. Jadi adalah tugas Perancang untuk membendung sikap-sikap ini sehingga menjadi lebih ketara. Masalah yang besar yang dihadapi oleh pihak Perancang untuk pembangunan yang cepat (rapid growth) adalah sejauh mana sikap moden yang telah tersesai pada penduduk-penduduk desa ini dapat dipercepatkan. Myron Weiner memberikan dua alternatif bagi mencapai tujuan ini:-

⁷ Ibid, halaman 4

(a) Mengubah nilai hidup terlebih dahulu dengan program-program pendidikan moden. Ini akan menjamin penyesuaian masyarakat dengan perkembangan pembangunan material yang moden.

(b) Menyediakan opportunity dan incentive ter- lebih dahulu. Ini akan mendorong kepada perubahan nilai hidup. Hanya dapat dijalankan jika ada penyediaan 'material' dan 'non-material' dari segi ekonomi, dalam projek-projek pembangunan.

Alternatif pertama, iaitu mengubah nilai hidup individu dalam satu-satu masyarakat sudah tentu mengambil masa yang agak panjang, satu generasi sekurang-kurangnya dan adalah tidak praktik dalam mana-mana projek pembangunan yang mengambil masa yang singkat, seperti dalam Rancangan Lima Tahun. Oleh itu langkah yang sebaik-baiknya bagi pembangunan yang menitik beratkan 'rapid growth' adalah dengan memberi opportunity (peluang) dan dorongan dengan menyediakan beberapa faedah kebendaan moden. Persediaan ini pada teorinya akan mengubah sikap masyarakat. Khususnya dalam lapangan pertanian ini dapat dilakukan dengan perubahan teknik; Percy S. Cohen mengatakan, "Any technological change which is great enough will produce some other social change as a consequence."⁸ Perubahan teknologi melibatkan dua unsur iaitu, 'material' seperti jentera-jentera moden, bahan-bahan kimia serta keadaan 'environment' moden; dan 'non-material' dari segi pendidikan moden untuk mengendalikan material-material yang baru ini.

⁸ Cohen, Percy S.; Modern Social Theory, Heinemann London 1970, halaman 179.

Rancangan Lima Tahun: Bagi Persediaan Material

Rancangan Lima Tahun atau mana-mana Rancangan Pembangunan Kerajaan adalah perancangan yang sebaik-baiknya untuk menyediakan 'opportunity' dan insentif. Persediaan kebendaan bagi penduduk-penduduk yang ingin dimajukan merupakan insentif yang utama bagi melaksanakan satu-satu projek kerana kebendaan-kebendaan ini akan dapat mendorong, dalam masa panjang, perubahan nilai dari segi penggunaannya. "Material" sahaja tidak ada gunanya tanpa memberikan latihan-latihan serta tunjuk ajar akan teknik-teknik moden. Jadi pemberian kebendaan mestilah diikuti dengan latihan-latihan yang bersesuaian dengan kebendaan itu.

Sikap dan nilai terhadap perubahan baru sering diperbesar-besarkan dalam penerimaan satu-satu projek pembangunan. Sikap dan nilai ini sebenarnya tidak begitu rumit sekiranya cukup insentif dan pendidikan diberikan kepada si-penerima, kerana satu-satu perubahan itu adalah berasaskan 'empirical-rational'. Ini merupakan satu strateji perubahan mengikut R. Chin dan K. Benne, "One fundamental assumption underlying these strategies is that man is rational. Another assumption is that men will follow their rational self-interest once this is revealed to them."⁹ Sikap maknusia adalah rational terhadap perubahan sekiranya mereka menyedari bahawa perubahan itu akan memberi faedah kepada mereka. Oleh itu faedah (reward) yang dapat dilihat atau dijangka akan menjadi pendorong (stimuli) bagi satu-satu perubahan baru. Maknusia yang rational adalah maknusia yang berpelajaran, sekurang-kurangnya pelajaran asas yang membolehkan mereka menulis dan membaca.

⁹ Bennis, Benne and Chin, op. cit. halaman 34

Pelaksanaan Pembangunan

Bagi Pembangunan Masyarakat di negara ini tumpuan utama kerajaan adalah untuk mengatasi masalah pengangguran serta masalah pendapatan yang tak seimbang. Ini ternyata dalam Rancangan Malaysia Pertama.

Oleh yang demikian pelaksanaan Rancangan Pembangunan adalah berteraskan peninggian taraf hidup penduduk-penduduk luarbandar dan ini hanya tercapai dengan memodenkan sektor ekonomi; tegasnya cara pertanian. Kenyataan dalam Rancangan Malaysia Pertama menyatakan; "The development of agriculture will continue to be given strategic importance over the plan period by government, for progress in this sector is crucial to the overall development of the country."¹⁰

Pihak Perancang diperingkat Pusat sedar bahawa satu-satu perancangan tidak akan berjaya sekiranya tidak melibatkan penyertaan orang ramai (penduduk-penduduk tempatan yang hendak dirancang). Perdana Menteri sendiri telah berulang kali menyatakan supaya penduduk-penduduk tempatan haruslah dilibatkan secara langsung di dalam mana-mana projek pembangunan yang dikendalikan oleh kerajaan diperingkat negeri dan daerah serta keperluan utama mereka diutamakan. Dalam ucapan beliau di Majlis Pelancaran Gerakan Pembaharuan sempena dengan pembukaan Pesta Pembangunan Negeri Trengganu di Dungun pada 6hb. Ogos, 1972, Perdana Menteri telah berucap, "Bagi menentukan kejayaan satu-satu projek itu kerjasama dan koordinasi disemua peringkat kerja sangatlah mustahak. Sebelum satu-satu projek dilancarkan sangatlah penting meninjau dan mengkaji terlebih dahulu akan kehendak rakyat ditempat itu dan kemudian haruslah dirancang

¹⁰First Malaysia Plan, dalam P.Lim and Nathan; Basic Reading in Malaysian Economic, Modern Education Publishers, K.L. 1969, halaman 19.

dan seterusnya dilaksanakan bersama. Itulah 'approach' dan cara-cara yang lebih baik bagi menjamin kejayaan."¹¹

Dari segi perancangan langkah-langkah pelaksanaan adalah disusun dengan begitu rapi sekali diperingkat Pusat, Arahan datangnya dari pusat ke peringkat negeri dan dari situ disalurkan ke peringkat daerah. Di peringkat daerah pula bermula dengan Rancangan Lima Tahun Malaya Kedua Tahun 1960 satu lambaran baru dari segi pelaksanaan rancangan pembangunan luarbandar telah dimulakan. Perancangan Pembangunan bermula dari peringkat daerah; Pegawai Daerah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luarbandar.¹²

Di peringkat tempatan atau kampung pula usaha-usaha pembangunan masyarakat diselaraskan melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Hakikat ini terdapat dalam panduan Arahan No.3 Rancangan Pembangunan Negara dan Luarbandar dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.¹³ Satu Jawatankuasa Kemajuan Kampung mengandungi seorang Ketua Kampung sebagai Pengerusi dan tidak lebih dari sepuluh orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah serta disahkan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri,¹⁴ dan antara ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu hendaklah seorang wakil Wanita dan seorang Wakil Belia.

¹¹ Gerakan Pembaharuan 2: diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan dan dicetak oleh Percetakan MAS Sdn. Berhad, K.L. halaman 5.

¹² Forum Pembangunan, Jilid 1 Bil. 1, September, 1972. Percetakan Malaysia Barat, Kuala Lumpur 1973, halaman 9.

¹³ Ibid, halaman 21

¹⁴ Gerakan Pembaharuan; Pembangunan Masyarakat; op. cit. halaman 22.

Panduan Arahan No. 3 memberikan sebelas (11) sebab mengapa perlu diadakan Jawatankuasa Kemajuan Kampung.

1. Untuk menjadi satu badan yang menyatu padukan dan menampung tenaga orang-orang kampung bagi faedah dan pembangunan mereka sendiri.
2. Untuk memahami keadaan di kampung berkenaan dengan bidang tanah, pertanian, ternakan, pelajaran, kesihatan dan perusahaan kecil dan lain-lain di kampung.
3. Untuk melaksanakan rancangan pembangunan di kampung dengan mendapat nasihat daripada pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan pembangunan masyarakat dalam Program 'gerak-maju'.
4. Untuk merancang dan melaksanakan projek-projek Berdikari, (gotong royong) dalam semua bidang pembangunan di kampung.
5. Memimpin orang-orang kampung supaya mereka akan berinisiatif dan percaya dengan diri sendiri dalam menjalankan projek yang akan menghasilkan pendapatan yang lumayan.
6. Untuk mencuba menukar pemikiran orang-orang kampung cara hidup yang dinamik.
7. Untuk menggalakkan orang-orang kampung menggunakan sepenuhnya kemudahan yang diberikan oleh kerajaan di kampung dan sama-sama menjaga kemudahan tersebut untuk faedah mereka.

8. Untuk bekerjasama dengan Jabatan-Jabatan untuk kerja pembangunan (extention) di kampung.
9. Untuk menjadi perantaraan atau alat penghubung di antara orang-orang kampung dengan pihak berkuasa yang berkenaan.
10. Untuk memberi laporan-laporan mengenai kemajuan Rancangan Pembangunan seperti terlaksana di kampung kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah.
11. Untuk melaksanakan arahan-arahan dan perintah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah dari masa ke semasa.¹⁵

Dengan hasrat pembangunan negara terutamanya bagi penduduk-penduduk luar bandar, jelas sekali betapa pentingnya Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Fungsi-fungsi Jawatankuasa Kemajuan Kampung amat banyak sekali. Oleh itu ia memerlukan pemimpin kampung yang cergas untuk mengendalikan tugas yang begitu banyak. Ini bermakna seorang Ketua Kampung, yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa, bukan sahaja mesti mengetahui akan Rancangan Pembangunan yang dijalankan diperingkat negeri dan negara, bahkan beliau juga mesti mempunyai pengetahuan tentang bagaimana pelaksanaan diperingkat Dasar (tempatan) harus dijalankan. Beliau serta ahli-ahli Jawatankuasa mesti percaya terhadap Pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan dan seterusnya bekerja berganding bahu dengan pegawai-pegawai kerajaan untuk menjayakan projek

¹⁵ Forum Pembangunan; op. cit., halaman 21-22.

pembangunan. "Tidak boleh disangkal lagi bahawa seorang Ketua Kampung yang dinamik ialah seorang ejen pembangunan yang berkesan."¹⁶

Kejayaan Rancangan Pembangunan Masyarakat, menurut Perdana Menteri, dalam ucapan beliau pada 6hb. Ogos, 1972, bergantung kepada dua faktor; iaitu peranan pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab dan sambutan serta kerjasama rakyat. Dalam hubungan ini peranan pegawai-pegawai kerajaan sangatlah penting kerana merekalah yang diharapkan oleh kerajaan untuk memastikan kejayaan itu dengan memberi pimpinan yang jujur dan ikhlas. Mereka harus memastikan adanya penyelarasan pada setiap perengkat dalam rancangan pembangunan masyarakat di daerah masing-masing.¹⁷

Pahang Tua Dalam Siri Pembangunan

Perancangan Penanaman Padi di Pahang Tua yang dijalankan oleh kerajaan diperingkat daerah, dapatlah dimasukkan ke dalam satu skema Pembangunan Masyarakat. Perancangan ini mempunyai satu tujuan, iaitu meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luarbandar dari segi pertanian. Hakikat ini dinyatakan dalam Majallah Pembangunan Pahang 1961 - 1965; "Paya Pahang Tua ini ialah satu Rancangan yang terletak di sebelah kanan tebing Sungai Pahang Tua, di batu enam jalan Pekan-Kuantan. Inilah kawasan yang terbaik untuk menanam padi dalam negeri Pahang."¹⁸ Sejajar dengan kehendak kerajaan bagi membangunkan negara, kerajaan negeri Pahang telah melancarkan beberapa siri pembangunan dan Pahang Tua merupakan salah satu daripada rancangan untuk mencapai mutiamat ini.

¹⁶ Ibid, halaman 25

¹⁷ Gerakan Pembaharuan; Pembangunan Masyarakat, op.cit, halaman 2

¹⁸ Pembangunan Pahang 1961-1965, diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Pahang, halaman 211

Oleh sebab masalah yang dihadapi oleh kerajaan bagi memajukan penduduk-penduduk di sini merupakan masalah ekonomi maka diharapkan dengan pembukaan tanah sawah besar-besaran akan menambahkan lagi hasil pengeluaran padi, dan dengan itu akan dapat menambah pendapatan penduduk-penduduk di sini. Pembukaan sawah padi besar-besaran dibolehkan dengan adanya satu Sistem Perairan yang besar serta moden.

Dengan adanya sistem perairan moden bererti memerlukan penanaman padi besar-besaran dengan menggunakan teknik moden. Memanglah harapan kerajaan untuk membangkitkan satu masyarakat tani yang moden, progresif serta dinamik, kerana hanya petani-petani moden sahajalah yang dapat menjalankan pertanian menggunakan teknik-teknik moden. Membangkitkan petani-petani moden bukanlah satu 'silap mata', kerana petani-petani tidak mungkin dapat menyesuaikan diri dengan satu keadaan baru tanpa melengkapkan diri mereka terlebih dahulu sebelum menghadapi keadaan itu. Semata-mata dengan mengharapkan bahawa sistem perairan moden dapat mengubah cara penanaman dengan sendirinya adalah mengharapkan sesuatu yang sia-sia sahaja. Oleh itu petani-petani harus diberi latihan-latihan teknik, di samping memberikan penerangan yang mendalam tentang perubahan yang dijalankan ke atas mereka. Pengetahuan ini amat penting sekali kerana merekalah orang-orang yang akan menjalankan segala Perancangan yang dibuat oleh perancang di peringkat akar umbi. Seperti dalam kata-kata Rene Dumont, "Whether it be farm, estate or collective, it is the individual undertaking which, by its work on the land - past and present - turns the forces of nature to advantage."¹⁹

¹⁹ Dumont, Rene.; Types of Rural Economy, Methuen & Co. Ltd. London, 1957, halaman 4.

Penanaman padi di Pahang Tua, iaitu Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Pertanian, Jawatan Rancangan Pahang Tua/Langkat dan Perikanan Pelalang.

1. Rancangan Perairan

BAB - III

Pahang Tua merupakan kawasan padi yang terbaik sekali di

PERANCANGAN PENANAMAN PADI

Negeri Pahang dan kerajaan negeri ini telah membelanjakan RM.7 juta

PAHANG TUA

bagi pembukaan kawasan penanaman padi seluas 2,436 ekar. Pada tahun

Perancangan Dari Sudut Dasar dan Polisi

di Sungai Dalam negeri Pahang, penanaman padi besar-besaran seperti yang

dijalankan di Tanjung Karang, Rancangan Muda dan Rancangan Kemubu tidak

ada. Kawasan penanaman padi yang terbesar sekali terdapat di Pahang

Tua dalam daerah Pekan. Dengan Sistem Perairan yang baik serta tanah

yang subur kawasan ini mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan penge-

luaran padi yang baik (high yielding area) di Negeri Pahang. Bagi memenuhi

hasrat kerajaan, iaitu bagi pengeluaran hasil padi yang cukup dalam negeri,

kerajaan negeri Pahang telah memberikan perhatian yang penuh terhadap

Rancangan Penanaman Padi di Pahang Tua ini. Segala kemudahan serta

bantuan telah diberi keutamaan kepada Pahang Tua.

Meskipun demikian setelah sembilan tahun ianya dirancang, iaitu

dengan terbinanya Rancangan Parit dan Taliair, tidak ada bukti yang menun-

jutkan bahawa penghasilan dari segi pendapatan se ekar, dan luas ekar yang

dikerjakan telah memuaskan.¹

Pada hakikatnya, perancangan adalah tersusun dan dapat di-

kasan daripada aspek-aspek Rancangan Perairan, Rancangan Pertanian dan

Organisasi Rancangan; ketiga-tiga aspek ini sebenarnya berhubung rapat

dengan empat ejensi yang terlibat secara langsung dengan Rancangan

¹ Lihat Sejarah Perkembangan antara 1963 - 1973, halaman 17-23

Penanaman Padi di Pahang Tua, iaitu Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Pertanian, Jawatankuasa Paya Pahang Tua/Langgar dan Persatuan Peladang.

1. Rancangan Perairan

Pahang Tua merupakan kawasan padi yang terbaik sekali di Negeri Pahang dan kerajaan setakat ini telah membelanjakan \$1.7 juta bagi pembukaan kawasan penanaman padi seluas 3,456 ekar. Pada tahun 1938 - 1941 sebuah rumah Pam telah dibina di atas Boyar yang diampangkan di Sungai Pahang Tua untuk membekalkan air ke kawasan yang luasnya 1,800 ekar memandangkan potensi yang ada dipersekitaran kawasan penanaman padi itu untuk dijadikan sawah; serta dengan adanya Rancangan Pembangunan, cadangan bagi mengadakan satu rancangan perairan besar-besaran telah dibuat dalam tahun 1959. Dalam tahun 1960 kerja membina taliair telah dimulakan dan siap pada akhir tahun 1965. Dalam rancangan pembinaan ini satu Rumah Pam yang mempunyai empat jentera mengepam air telah dipasang dan sistem pembahagian air ke sawah diperbesarkan sehingga menjadi 3,456 ekar; dengan dibina dua empangan pintu air yang besar, sepanjang empat belas batu taliair bakal, dua belas batu parit buang dan beberapa empang pintu kawalan air, titian, batas permatang dan sebagainya. Dengan pembinaan ini petani-petani boleh menjayakan tananaman padi dua kali setahun.²

2. Rancangan Pertanian

Sehingga tahun 1970 pengeluaran padi di Pahang Tua adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya Jabatan Pertanian.³ Bagaimanapun dengan kuasa yang ada padanya Jabatan Pertanian telah mengatur beberapa langkah untuk

² Pembangunan Pahang, op. cit. halaman 211

³ Fail Pekan 1/0681 (Pejabat Daerah)

menajukan petani-petani yang tinggal di luarbandar. Bagi menambahkan hasil pendapatan akhtiar-akhtiar seperti berikut telah dijalankan:-

- (a) Mengalakkan penggunaan baja.
- (b) Menggalakkan penggunaan benih yang baik.
- (c) Menggalakkan cara-cara yang baik dalam usaha menanam padi.
- (d) Menggalakkan pencegahan musuh.
- (e) Memulihkan kawasan padi yang tertutup.
- (f) Menggalakkan tanaman luar musim.⁴

Pendidikan Pertanian

Salah satu ikhtiar menyampaikan ilmu pengetahuan kepada petani-petani ialah dengan pendidikan yang bertujuan untuk mengubah tabiat mereka melalui pengetahuan, kebolehan dan sikap supaya petani-petani dapat mengeluarkan penghasilan yang menguntungkan dari ladang-ladang yang menjadi punca utama pendapatan mereka. Pada garis kasarnya pendidikan pertanian yang diusahakan oleh Jabatan ini adalah menerusi saluran-saluran seperti berikut:-

(1) Pusat Latihan Pertanian

Tujuan mengadakan pusat-pusat latihan

- (a) Pertanian ialah bagi melatih peladang-peladang
- (b) supaya mereka itu dapat membaiki keadaan kebun
- (c) mereka sendiri. Kursus dijalankan antara tujuh
- (d) hingga empat belas hari dan terbuka kepada semua
- (e) peladang. Pelatih-pelatih diberi tempat kediaman
- (f) dan makanan serta juga sedikit wang perbelanjaan.

Pelajaran yang diberikan termasuk:-

- (a) Asas pertanian.

⁴ Pembangunan Pahang; op. cit. halaman 24

- (iii) Perkhidmatan (b) Pelajaran bersangkutan dengan tanaman seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kerana sebahagian kekelapa, jagung, kacang tanah dan lain. kursus yang diajar (c) Mencantumkan pokok-pokok dan membuat anak balot pokok. (d) Membaca dan jenis-jenis baja untuk anak pokok. (e) Mencegah musuh dan racun pencegah musuh. (f) Kira-kira. (g) Pentadbiran Persatuan Peladang.⁵

(ii) Pusat Latihan Perjenteraan Pertanian

"Di negeri Pahang banyak peladang-peladang yang mempunyai jentera pertanian; samada jentera besar beroda empat atau jentera kecil beroda dua, pam air, kilang padi dan lain-lain."⁶ Bagi membaiki perusahaannya mereka sebuah Pusat Latihan Perjenteraan diadakan di Paya Besar, Kuantan. Pelajaran-pelajaran yang dianjurkan di sini adalah seperti berikut:-

- (a) Penggunaan jentera dan perkakas-perkakas pertanian. (b) Menjaga jentera. (c) Membaiki jentera. (d) Welding. (e) Pertanian dan jentera. (f) Persimpanan dan alat-alat. (g) Menjaga keselamatan diri dalam penggunaan jentera.

"Angka ini termasuk semua peserta yang turut dalam latihan di Negeri Pahang. (h) Menyimpan kira-kira." ⁷

⁵Ibid, halaman 40

⁶Ibid, halaman 41

⁷Ibid

(iii) Perkhidmatan Kereta Penerangan

Tujuan perkhidmatan ini adalah untuk mengatasi masalah kerana sebahagian kecil saja petani-petani yang dapat menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian di pusat-pusat latihan, maka satu perkhidmatan kereta penerangan telah diadakan. Ini semata-mata untuk mengubah sikap kepada penanaman cara moden. Kereta-kereta ini melawat ke kampung-kampung untuk mengembangkan pengetahuan pertanian kepada penduduk-penduduk di kampung. Usaha-usaha yang dijalankan termasuk:-

- (a) Memberi penerangan projek atau rancangan pertanian untuk peladang-peladang.
- (b) Membuat pertunjukan (demonstration)

3. Organisasi mencegah musuh.

- (c) Membuat pertunjukan bertanam pokok, membaja, memilih benih seperti padi dan lain-lain.

- (d) Menjawab soalan-soalan daripada peladang-peladang dalam masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

- (e) Membuat tayangan gambar pertanian dari negeri-negeri luar sebagai contoh.

(iv) Lawatan-Lawatan

Beberapa rombongan lawatan telah diatur dan seramai 120* orang petani-petani (pada akhir tahun 1965) telah mendapat kesempatan melawat kawasan-kawasan yang telah maju di Selangor, Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang; dan seramai 200* orang petani telah dapat melawat

*Angka ini termasuk semua peserta yang turut dalam lawatan di Negeri Pahang. Hanya bilangan kecil sahaja merupakan peserta yang datang dari Pahang Tua.

beberapa projek Kemajuan dalam negeri. Tempat-tempat yang dilawati adalah:-

- (a) Tanaman padi musim dan tanaman dua kali setahun di Province Wellesley, Kedah dan Perlis.
- (b) Tanaman luar musim dengan sayur-sayuran, jagong, tembikai, kacang tanah dan lain-lain di Tanjong Selangor.
- (c) Tanaman buah-buahan seperti limau di Kedah dan Trengganu.
- (d) Penggunaan jentera di Perak dan Province Wellesley dalam penanaman padi.⁸

3. Organisasi Rancangan

Bagi menyelaraskan jentera perancangan Jawatankuasa Paya telah dibentuk sejak tahun 1965. Ini diperkuatkan dengan penubuhan Persatuan Peladang dalam tahun 1970. Kedua-duanya bertujuan untuk memberikan kesan perancangan yang lebih efektif.

Di bawah organisasi ini beberapa siri rancangan telah diatur pada dasarnya, dengan menggunakan berbagai-bagai nama. Ini dapat dikesan daripada tahun 1965 hingga tahun 1973.

Jawatankuasa Rancangan Paya Pahang Tua/Langgar 1965-1968

Jawatankuasa Rancangan Raya Pahang Tua/Langgar telah dibentuk dalam tahun 1965 dan sehingga tahun 1968 pengendaliannya diambil terus oleh kerajaan Negeri. Di bawah Jawatankuasa ini satu siri perancangan dari tahun 1966 hingga 1968 telah dimajukan. Bagaimanapun tugas pelaksanaan serta inisiatif diambil terus oleh Jabatan Pertanian dengan kerjasama jabatan-jabatan lain.

⁸ Ibid, halaman 42.

Di bawah Rancangan Tiga Tahun ini kerajaan Negeri Pahang telah memberikan bantuan berbentuk wang kepada setiap ekar sawah yang diusahakan; memberi kemudahan jentera membajak, baja, racun serta bantuan teknik oleh pegawai-pegawai yang ditempatkan di Pusat Pertanian Tanah Puteh, Pekan.⁹

Pada tahun 1968 usaha untuk menanam padi dua kali setahun telah diperkenalkan. Bagaimanapun sambutan yang diberi oleh petani-petani tidak memuaskan kerana hanya 700 ekar sawah sahaja yang ditanam dengan padi.¹⁰

Jawatankuasa Pemulihan Paya 1970

Jawatankuasa ini dibentuk kerana kerajaan negeri sedar bahawa masalah penanaman padi tidak boleh diatasi oleh mana-mana badan per-sendirian. Pejabat Daerah telah diarahkan untuk mengambil daya utama dengan menyumbangkan serangan yang dinamik dan sistematis,¹⁰ sejajar dengan dasar ekonomi baru dalam Rancangan Malaysia Kedua. Penegasan telah diberi kepada penambahan hasil padi dan pendapatan petani-petani.

Dengan ini juga Pusat perancangan telah berpindah kebilik Gerakan Daerah Pekan. Bagi strategi bertindak, pada hakikatnya, Jawatan-kuasa Dua Peringkat telah dibentuk; satu pada peringkat kampung dan satu pada peringkat daerah. Kedua-dua Jawatankuasa dianggotai oleh pegawai-pegawai Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Penerangan, Jabatan Haiwan dan lain-lain pemimpin mukim dan kampung.¹¹ Jawatankuasa membincangkan dan mengesyurkan jadual-jadual

⁹ Kenyataan diperolehi daripada Penolong Pegawai Pertanian Negeri Pahang.

¹⁰ Fail Pekan 1/0681

¹¹ Ibid.

penanaman padi musim demi musim dan mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani dan cara-cara mengatasinya. Menurut laporan Jawatankuasa, kempen bersiri telah diadakan dan perkara-perkara yang dikempenkan adalah seperti berikut:-

(a) Gerakan penanaman seragam.

(b) Penggunaan baja dengan secukupnya.

(c) Pemusnahan pest (musuh)¹²

Bantuan Pemulihan Mangsa Banjir 1971

Di bawah Rancangan Pemulihan mangsa-mangsa banjir, kerajaan Negeri Pahang telah membeli 200 jentera membajak jenis kecil dan 30 buah jentera empat roda. Ini adalah kerana memenuhi hasrat kerajaan untuk memulihkan semula petani-petani yang telah hilang mata pencarian disebabkan banjir besar yang melanda negeri ini dalam tahun 1969/70. Kawasan Pahang Tua merupakan kawasan yang teruk sekali menerima akibat ini.

Dengan adanya Rancangan ini Jawatankuasa Paya telah diarahkan untuk mengendalikan bantuan-bantuan yang berbentuk membajak dengan percuma, bantuan baja, benih dan racun yang semuanya dibiayai oleh kerajaan.

Dalam tahun yang sama juga Jawatankuasa Paya telah membuat keputusan untuk meratakan kawasan sawah yang tinggi. Persetujuan ini dibuat hasil dari mesyuarat yang diadakan pada 24hb. September, 1971.¹³

Seluas lebih kurang 320 ekar sawah telah dirancang untuk diratakan dengan menggunakan Bulldozer.

dan hasil yang baik dari sawah-sawah padi, kalau biasanya petani-petani

Membersihkan Kawasan Bertunggul 1972

Bahagian besar daripada sawah Pahang Tua ini merupakan sawah dengan kempen ini diharapkan petani-petani akan dapat sebanyak 500-700 yang baru dibuka. Oleh itu banyak terdapat sawah-sawah yang bertunggul

¹² Ibid.

¹³ Ibid

(cerang). Ini menyusahkan usaha-usaha untuk membajak dengan menggunakan jentera, tambahan pula tidak ada pemandu-pemandu jentera yang sanggup memasuki sawah-sawah yang sedemikian rupa. Kawasan inilah yang sering tidak diusahakan. Ada kira-kira 1,500 ekar sawah yang bertunggul; di Blok 8A, Blok 9A, Blok 6 dan Blok 7.

Tindakan untuk membersihkan kawasan sawah yang bertunggul ini telah dibuat dalam mesyuarat Lembaga Penanaman Padi, (iaitu Jawatankuasa yang menggantikan Jawatankuasa Paya) pada 28hb. Januari 1972. Jawatankuasa bersetuju bagi peringkat pertama diusahakan di kawasan Blok 8A dan 9A seluas 500 ekar. Pada peringkat kedua pula diusahakan di kawasan Blok 5, Blok 6 dan Blok 7 seluas 1,000 ekar.

Gerakan Pembaharuan Kempen Menanam Padi 1973

Kempen ini merupakan manifestasi dari Gerakan Pembaharuan, sesuai dengan hasrat kerajaan seperti yang dialu-alukan oleh Perdana Menteri; untuk mengubah sikap petani-petani di luarbandar. Satu cadangan supaya kawasan penanaman padi Pahang Tua dijadikan 'Pilot Project' untuk melancarkan Gerakan Pembaharuan telah dikemukakan oleh Pengarah Parit dan Taliair dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Pahang yang telah diadakan pada 22hb. Disember, 1972.

Kempen ini bermula pada 15hb. Februari 1973 menurut keputusan mesyuarat penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan dan Jawatankuasa Kecil pada 18hb. Januari, 1973. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri telah memberi bantuan sebanyak \$10,000/- melalui Persatuan Peladang.¹⁴

Keseluruhan kempen ini adalah untuk dapat memberikan pendapatan dan hasil yang baik dari sawah-sawah padi; kalau biasanya petani-petani mendapat 300-400 gantang dari tiap-tiap ekar sawah yang dikerjakan, maka dengan kempen ini diharapkan petani-petani akan dapat sebanyak 600-700 gantang bagi tiap-tiap ekar yang ditanam dengan padi.

¹⁴ Ibid

Persatuan Peladang

Persatuan Peladang Daerah Pekan ditempatkan di Tanah Putih, iaitu kawasan yang berhampiran dengan Paya Pahang Tua. Penglibatan Persatuan Peladang dalam Perancangan penanaman padi tidak dapat di-sangkal lagi kerana ianya, sejak ditubuhkan dalam tahun 1970, telah di-beri tugas untuk mengendalikan perusahaan penanaman padi disamping ejensi-ejensi lain. Dalam tahun 1973, umpamanya, apabila dilancarkan Gerakan Pembaharuan, ianya telah diuntukkan sebanyak \$10,000.00 untuk membantu dalam urusan membekalkan benih, baja, racun, jentera serta nasihat dan tunjuk ajar.

Pada dasarnya penubuhan Persatuan Peladang adalah satu langkah yang baik dan ini dapat dilihat dalam Perlembagaanya. Bilangan 4, iaitu Tujuan, menyatakan: "Tujuan penubuhan Persatuan Peladang ini ialah untuk meninggikan ekonomi dan sosial peladang-peladang, memberi tunjuk ajar secara teknik, menambahkan hasil dan pendapatan, membaiki cara hidup mereka di luar bandar melalui penyertaan sendiri di dalam Persatuan ini."¹⁵

Dalam usaha menjayakan Persatuan Peladang, Jabatan Pertanian telah mengambil daya utama dalam mengerakkannya. Jabatan Pertanian Negeri telah meminjamkan beberapa orang pegawai-pegawai untuk di tempat-kan dalam Persatuan Peladang supaya dapat menguruskan hal-hal pentadbiran.

Lembaga Pertubuhan Peladang

Bagi memperbaiki lagi maksima pentadbiran Persatuan Peladang, maka dalam tahun 1973 telah ditubuh Lembaga Pertubuhan Peladang, guna untuk menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti pertanian

¹⁵ Bertas Kerja oleh Ketua Pengerah Lembaga Pertubuhan Peladang, dalam bentuk Risalah Perlembagaan untuk Persatuan Peladang Kawasan, 1973.

di negara ini. Tiga tujuan utama penubuhan Lembaga ini dapat dirumuskan seperti berikut:-

Parlimen (i) Untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti Syarikat Kerjasama yang berasaskan Pertanian dengan aktiviti-aktiviti Persatuan Peladang.

Lembaga (ii) Untuk menyusun langkah-langkah serta cara-cara untuk mencapai penyelarasan di atas perkhidmatan-perkhidmatan yang disampaikan oleh badan-badan berkanun dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

1. Kawasan yang terlibat secara langsung dengan kemajuan pertanian dan masalah-masalah petani. Ini dapat diperhatikan apabila 16 petani-(iii) Untuk memberi galakan dan dorongan kepada masalah besar yang dihadapi pertubuhan peladang dan juga menyusun rancangan yang boleh meninggikan taraf ekonomi dan sosial peladang-peladang.¹⁶

Daripada kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang diperjumpaan di Pusat Pertanian Tanah Puteh pada 5hb. April, 1974, sempena dengan lawatan beliau, tujuan Lembaga ini bukanlah untuk membentuk satu pertubuhan yang baru bagi petani-petani dengan membubar Persatuan Peladang yang ada sekarang ini, tetapi tujuannya adalah untuk mengabungkan kedua-dua Persatuan Peladang dengan Syarikat Kerjasama yang berasaskan Pertanian. Untuk tujuan ini, Jawatankuasa Penyelaras Kawasan akan dibentuk di mana ahli-ahlinya mewakili kedua-dua pertubuhan itu diperingkat daerah.

¹⁶ Kertas Kerja oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, dalam seminar yang diadakan di Paya Besar, Kuantan pada 5hb. November, 1973.

kira-kira Lawatan Ketua Pengarah, disamping menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang, juga membawa amanat Perdana Menteri yang menjadi wakil Parlimen kawasan itu, untuk mencari jalan mengatasi masalah penanaman padi di Pahang Tua; khusus kepada masalah penanaman yang tidak dapat dijalankan seratus peratus dan keengganan menanam padi dua musim. Lembaga ini telah diberi tugas untuk menjayakan perusahaan menanam padi dan Ketua Pengarah telah memberi jaminan bahawa pihak Lembaga sedia membantu dengan apa cara sekalipun.

Kesan Perancangan

1. Kesan Daripada Rancangan Perairan

Sistem Perairan yang moden tidak dapat memberi kesan yang memuaskan kepada petani-petani. Ini dapat diperhatikan apabila 33% petani-petani menyatakan bahawa masalah air merupakan masalah besar yang dihadapi oleh mereka. Masalah air ini disebabkan oleh Tiga perkara yang utama; pertamanya, tali air disetengah-setengah tempat terlalu dalam. Oleh itu walaupun banyak air yang dipam masuk ke dalam saluran air, tetapi sedikit sahaja yang dapat melimpah masuk ke dalam bendang-bendang; keduanya, adalah kerana terdapat sawah-sawah yang tinggi rendah yang menyebabkan ada kawasan yang mendapat air terlalu banyak dan ada kawasan yang tidak mendapat air langsung; ketiganya, tidak adanya parit-parit kecil untuk mengalirkan air ke kawasan yang jauh dari tali air. Oleh itu sawah-sawah yang duduk di tengah-tengah hanya mengharapkan limpahan air yang datang dari jiran-jiran mereka, dan sering limpahan air ini tidak sampai.

2. Kesan Tindakan Jabatan Pertanian

Sumbangan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian, pada bahagian besarnya, juga tidak dapat memberi kesan yang memuaskan. Dari segi pendidikan dan latihan teknik, penyelidikan menunjukkan bahawa hanya

kira-kira 7% sahaja petani-petani yang telah mendapat faedah dari latihan-latihan teknik ini. Hal ini disebabkan oleh kesilapan di atas peserta-peserta yang dihantar berkursus. Dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian, peserta-peserta yang dihantar berkursus adalah belia-belia lepasan sekolah, yang bukan sahaja tidak menanam padi bahkan mereka tidak ada lagi di kampung.

Bilangan 7% ini termasuk juga petani-petani yang menyertai 'lawatan-lawatan sambil belajar'. Lawatan-lawatan yang sedemikian rupa sedikit sangat dianjurkan untuk menambahkan lagi peratus petani yang mendapat faedah daripadanya. Tambahan pula peserta-peserta yang mengikuti lawatan-lawatan itu merupakan orang-orang yang sama setiap kali lawatan diadakan. Mereka ini dipilih khas oleh sebab-sebab tertentu yang di luar kuasa Jabatan Pertanian.¹⁷

Dari segi nasihat dan tunjuk ajar, penyelidikan menunjukkan bahawa hanya 17% sahaja petani-petani yang pergi menemui pegawai-pegawai Pertanian untuk mendapatkan nasihat-nasihat ini.

3. Kesan Tindakan Jawatankuasa Paya

Beberapa kempen yang dijalankan oleh Jawatankuasa Paya serta laporan-laporan yang dibuat dari masa kesemasa, jelas memperlihatkan ketidak puas hati Jawatankuasa terhadap sambutan yang ditunjukkan oleh petani-petani, dan kurang berjayanya Rancangan-rancangan yang telah dijalankan. Kesan yang tidak menggalakkan telah terbayang pada peringkat awal lagi kawasan ini dirancang. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Tahun 1967 setelah memandangkan mutlamat kerajaan untuk memajukan

¹⁷ Kenyataan ini diterima dari salah seorang ahli yang menganggotai Jawatankuasa Paya Pahang Tua/Langgar.

kawasan seluas 3,456 ekar sawah itu tidak tercapai, telah memutuskan untuk mengambil masuk petani-petani dari Perlis. Bagaimanapun Rancangan ini dibatalkan oleh kerana bantahan daripada petani-petani tempatan.¹⁸

Satu kertas kerja yang dibuat oleh saudara Ahmad Darus, bagi mengkaji masaalah-masaalah yang wujud semasa menjalankan Rancangan Pemulihan Paya tahun 1970, menyatakan:-

- (a) Petani-petani tidak mengikut jadual masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Daerah.
- (b) Hasil tanaman kurang menjadi 30% - 40% sahaja yang tinggal manakala 60% - 70% dimusnahkan oleh musuh. Petani-petani tidak menghiraukan tanaman mereka sesudah mencedung (trans-planting). Masing-masing pulang ke kampung.
- (c) Ketua-ketua tidak dapat menjalankan tugas dengan baik. Ini ialah kerana ketua-ketua dilantik dari orang-orang yang tidak disukai ramai. Akibatnya arahan-arahan mereka tidak diikuti.
- (d) Terlalu banyak musuh bersarang di kawasan seluas 1,300 ekar yang terbiar di tengah-tengah sawah. (Ini memperlihatkan bahawa betapa luasnya kawasan yang tidak dikerjakan meskipun Jawatankuasa mengharapkan luas sawah yang diusahakan bertambah).

¹⁸ Fail Pekan 1/0861

(e) Masalah air disebabkan sawah yang tinggi rendah.

Saudara Ahmad Darus berpendapat bahawa dengan masalah-masalah ini bukan sahaja tanaman dua kali setahun tidak dapat dijayakan, bahkan tanaman padi Musim sekalipun tidak mungkin akan berjaya.¹⁹

Rancangan untuk meratakan kawasan penanaman padi yang tinggi, yang dibuat dalam tahun 1971 juga memperlihatkan kegagalan. Daripada 320 ekar yang dirancang, 120 ekar dijadualkan siap pada akhir tahun 1971. Tetapi oleh sebab banjir melanda kawasan itu antara bulan November hingga Disember maka hanya 25 ekar sahaja kawasan yang sempat dijayakan.

Begitu juga halnya dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Penanaman Padi untuk membersihkan kawasan bertunggul, yang dibuat dalam tahun 1972; di mana seluas 1,500 ekar telah dirancang untuk diusahakan. Keputusan mesyuarat hingga kini masih belum dijalankan, setelah dua tahun berlalu.

Gerakan Pembaharuan Kempen Menanam Padi yang dilancarkan dalam tahun 1973, meskipun telah menambahkan sedikit luas kawasan yang dikerjakan, masih belum dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk menambahkan pendapatan se ekar sebanyak 600-700 gantang. Purata pendapatan petani-petani, daripada penyelidikan menunjukkan hanya 320 gantang se ekar sahaja. Laporan penilaian yang dibuat oleh Saudara Ghazali Tahrin, Penolong Pegawai Daerah Pekan (Bahagian Pembangunan), di dalam satu Kertas Kerja, menyatakan bahawa didapati 90% daripada petani-petani yang berjumlah 1,057 orang itu mengetahui akan kempen yang dijalankan; mengetahui akan jadual penanaman; mengetahui akan risalah-risalah yang disebarkan serta membaca Papan Tanda dan sependuk. Tetapi setelah dua bulan kempen dijalankan dan berdasarkan kerja yang telah diusahakan

¹⁹ Ibid

nyata sekali 40% daripada petani-petani ini tidak bersedia untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam kempen ini. Kumpulan-kumpulan ini tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, tidak menjalankan kehendak yang diperlukan serta tidak berkerjasama dengan semua pihak yang berkenaan.²⁰ Tambah beliau kesan daripada sikap yang demikian menyebabkan adanya satu macam keadaan terpisah antara pegawai-pegawai yang menjalankan kempen dengan petani-petani. Implikasi dari itu ujudnya segulungan individu-individu yang memperkecil-kecilkan usaha kerajaan. Contohnya di simpang Jalan Lamir, papan tanda telah dicomotkan dengan cat serta tarikh penanaman dipadamkan.

4. Sambutan Terhadap Persatuan Peladang

Sambutan petani-petani terhadap Persatuan Peladang tidak menampakkan satu yang menggalakkan. Ini dapat dikesan dari keahliannya. Daripada petani-petani yang mengerjakan sawah didapati hanya 48% sahaja yang menjadi ahli, daripada jumlah itu 37% yang mengetahui secara kasar akan pergerakannya, manakala 11% yang menjadi ahli secara 'pak turut' tanpa memahami apa-apa.

Bahagian besar petani-petani tidak memahami akan tujuan Persatuan Peladang dan bagi mereka Persatuan ini tidak ada gunanya kerana Jabatan Pertanian telah ada untuk memberikan bantuan yang diperlukan oleh mereka. Tambahan pula mereka tidak nampak bedanya antara Jabatan Pertanian dengan Persatuan Peladang, kerana orang-orang yang sama mengendalikan kedua-dua badan itu. Petani-petani juga berpendapat selama ini Persatuan Peladang tidak ada memberi apa-apa sumbangan terhadap menanam padi. Hal ini dapat difahamkan kerana penubuhan Persatuan Peladang adalah dengan kehendak kerajaan dan bukan datang

dari kehendak petani-petani. Maka tidak heranlah mengapa petani-petani menganggap Persatuan Peladang ini sebagai 'Biro Kerajaan'.

Kalau dipandang organisasi Persatuan ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa pergerakannya lebih cenderung kepada pergerakan yang terlalu 'official', rigid dan mengikut undang-undang seperti Jabatan Kerajaan. Ini sudah pasti kerana pegawai-pegawai yang menganggotainya adalah pegawai-pegawai kerajaan yang dipinjamkan kepada Persatuan itu.

Implikasi dari pertubuhan yang sedemikian rupa, sudah dengan sendirinya membantutkan hasrat dan tujuan Persatuan Peladang. Penyertaan petani-petani adalah diharapkan, serta tanggungjawab mereka bersama diperlakukan. Tapi apa yang dibuktikan adalah ahli-ahlinya tidak memikirkan tanggungjawab bersama untuk memajukan Persatuan, tidak memikirkan bersama apa langkah yang harus diambil untuk mendapatkan faedah yang maksima. Sebaliknya ahli-ahli lebih memikirkan apa sumbangan yang Persatuan Peladang harus berikan kepada mereka.

Keanggotaan ahli-ahli diperingkat Daerah sendiri pun menunjukkan angka yang rendah. Daripada 40 cawangan Persatuan Peladang yang terdapat di Pekan, dan selama empat tahun ianya ditubuhkan (iaitu sejak 1970) ahlinya hanya baru 1,733 orang. Jadual di bawah menunjukkan penambahan ahli-ahli dari tahun 1972 hingga 1974, di peringkat daerah.

BILANGAN AHLI PERSATUAN PELADANG

<u>Tahun</u>	<u>1972</u>	<u>1973</u>	<u>1974</u>
Bil. ahli	1,202	1,663	1,733 ²¹

Kelemahan Perancangan

Pada keseluruhannya kesan perancangan tidak memperlihatkan

²¹ Angka diperolehi daripada Persatuan Peladang Pekan yang beribu pejabat di Tanah Puteh, Pekan, Pahang.

kejayaan yang diharapkan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa kelemahan yang terdapat dalam Pelaksanaan Perancangan itu sendiri; Organisasi Perancangan adalah tidak konkrit dalam memainkan Fungsinya untuk menjayakan rancangan Pembangunan Masyarakat, khususnya dalam persediaan untuk perubahan teknologi.

Kelemahan Organisasi Perancangan

1. Tidak ada EJENSI Perancangan atau INNOVATOR yang benar-benar bertanggung-jawab ke atas rancangan yang dijalankan di Pahang Tua ini. Walaupun ada Jawatankuasa Paya yang boleh memainkan peranan sebagai Penyelaras kepada ejensi-ejensi lain, namun ianya tidak bergerak dengan sempurna. Ini adalah kerana (menurut seorang juru cakap Jawatankuasa Paya) ahli-ahlinya yang menganggotai Jawatankuasa itu adalah pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai berbagai-bagai tugas disamping mengendalikan Rancangan Penanaman Padi. Malah setiap Jabatan yang terlibat dalam masalah penanaman padi ini bukan sahaja menghadapi tugas-tugas lain di daerah yang NESTI dilaksanakan dalam masa yang sama, bahkan tiap-tiap Jabatan atau badan itu hanya dapat menjalankan sesuatu dalam lingkungan kuasanya yang terbatas serta mengikut dasar-dasar Jabatan yang berlainan. Jadi terdapatlah keadaan yang diibaratkan seperti, "too many cooks spoil the soup," dan diantara mereka tidak ada "chief cook".

Kalau dilihat di rancangan-rancangan perairan yang lain, dapat diperhatikan satu-satu badan tertentu yang bertugas untuk mengendalikan rancangan, misalnya KADA di Rancangan Kemubu dan MADA di Rancangan Mada. Di Pahang Tua, bukan sahaja tidak ada satu badan merancang, bahkan tidak ada juga 'innovator' yang merancangkan satu-satu projek; orang-orang yang benar-benar mengetahui sepenuhnya akan latar belakang keadaan sosial dan ekonomi masyarakat yang dirancang itu. Perancang atau

'innovator' yang merancang satu-satu rancangan dengan mengetahui latar belakang masyarakat yang dirancang, serta berdasarkan keadaan tempatan, seperti yang dijalankan di India dan Latin America, banyak memperlihatkan kejayaan. Jadi apa yang diperlukan di Pahang Tua ini adalah satu EJEN atau 'INNOVATOR' yang dapat menyelaraskan segala Jabatan dan Badan yang mempunyai hubungan dengan Rancangan Penanaman Padi.

2. Tidak ada Rancangan yang Berterusan (sequential) yang dirancang dalam satu jangka masa yang agak panjang. Rancangan yang dijalankan di Pahang Tua ini merupakan Rancangan yang "Tenggelas Timbul", dirancang pada satu ketika tertentu kemudian ditinggalkan. Daripada laporan pegawai-pegawai jabatan yang menyertai Jawatankuasa Rancangan yang berbagai-bagai itu didapati bahawa Jawatankuasa ini bukan merupakan satu pertubuhan yang kekal lagi berterusan. Jawatankuasa yang pada hakikatnya dibentuk untuk tujuan jangka panjang adalah Jawatankuasa Paya yang dijemakan dalam tahun 1965. Malangnya Jawatankuasa ini ^{tidak dapat hanya} setelah tahun 1974 ini ada ura-ura untuk mengujudkannya kembali. Jadi selepas tahun 1968 hingga kepada 1973 beberapa Jawatankuasa yang ujud dengan berbagai-bagai nama adalah merupakan pertubuhan-pertubuhan yang saling bertukar ganti mengikut tahun. Jadi tidak heranlah terdapat bermacam-macam nama digunakan bagi Jawatankuasa itu. Pihak yang merancang atau pihak yang membentuk Jawatankuasa Rancangan; yang umurnya pendek itu, seolah-olah mengharapkan bahawa satu Rancangan yang tersusun dalam satu tahun telah cukup untuk membolehkan ROMBAKAN besar berlaku di kalangan petani-petani dari segi penanaman. Mereka seharusnya sedar bahawa, sedangkan jangka waktu lima atau sepuluh tahun itu sendiri tidak merupakan jangka waktu yang panjang, inikan pula jangka waktu SATU tahun. Arensberg dan Niehoff menulis, "When the developers expect to have their new ideas

take hold in five or ten years, they should realise that they have set themselves an extremely short time table. The Western nations grew into their present complexity and specialization over a period of more than three hundred years, each generation building on that of the previous one."²²

3. Tidak ada SKIMA KERJA atau Rekod Kemajuan dalam pelaksanaan rancangan. Ini adalah sebab dan akibat daripada tidak adanya Ejen Perancangan yang Tunggal dan Rancangan yang berterusan. Implikasi daripada keadaan yang sedemikian rupa maka tidak ada Rancangan yang dijalankan mengikut satu-satu landasan yang tertentu. Segala kemajuan dan kegagalan tidak dapat dikesan secara perincian. Pegawai-pegawai lebih cenderung kepada membuat assumsi ke atas kegagalan atau kejayaan satu-satu rancangan itu.

Memburukkan lagi keadaan yang telah sedia ada, sering pegawai-pegawai yang merancang projek-projek ini bertukar ganti sehingga bukan sahaja kadang-kadang projek yang dirancangkan itu berlapis-lapis, malah banyak projek yang tergendala. Ini memberikan sebab mengapa Rancangan untuk meratakan kawasan yang tinggi dalam tahun 1971 dan Rancangan untuk mencabut tunggul-tunggul tahun 1972, hingga kini masih belum dapat dijalankan. Masaalah di Pahang Tua ini banyak dan sudah tentu tidak boleh diselesaikan dengan sekali gus dalam Rancangan satu tahun, oleh itu ada lebih baik sekiranya masaalah-masaalah ini diperturunkan satu persatu dalam Skima Kerja dan diambil tindakan mengikut keutamaan. Juga setiap kerja yang telah siap dijalankan ditandakan dalam Skima Kerja ini. Tidak

²² Arensberg and Niehoff, Introducing Social Change, Aldine Publishing Co., Chicago 1965. Halaman 75.

ada gunanya mengambil tindakan baru selagi tindakan lama yang telah dibuat itu masih lagi tergendala.

4. Tidak ada PENGLIBATAN penduduk-penduduk tempatan dalam perancangan. Dalam strategi bertindak Gerakan Pembaharuan yang dilancarkan oleh Kerajaan dalam bulan June 1972, telah dinyatakan hasrat bahawa semestinya ada penyelarasan kerja dari peringkat pusat hingga peringkat tempatan. Strategi ini memberi pertimbangan berat terhadap peranan yang mesti dimainkan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung, yang merupakan wakil penduduk-penduduk tempatan. Ini juga membawa erti bahawa satu-satu rancangan kerajaan itu harus difaham dengan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk tempatan, terutamanya Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang menyelaraskan segala aktiviti di peringkat kampung. Hasrat dan cita-cita kerajaan ini tidak kedapatan di Pahang Tua dan apa yang dijalankan lebih merupakan ARAHAN daripada Rancangan. Segala tindakan dan keputusan datangnya dari Jawatankuasa Daerah yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan dari berbagai-bagai Jabatan serta seorang dua penghulu dan ketua kampung. Dengan hal yang demikian Kehendak serta Kepentingan penduduk tempatan tidak dapat didahulukan.

Penanaman padi sebagai kegiatan yang diusahakan oleh sebahagian besar penduduk-penduduk tempatan sudah tentu memerlukan penglibatan petani-petani dalam perancangannya. Jadi disini Jawatankuasa Kemajuan Kampung seharusnya memainkan peranan penting. Tetapi malangnya di Pahang Tua Jawatankuasa Kemajuan Kampung sedikitpun tidak ada peranan dalam perancangan dan pelaksanaannya. Ini dibuktikan dengan penyelidikan yang dibuat di Tanah Puteh, Pekan. Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Kampung tersebut menyatakan bahawa penanaman padi bukan dalam urusan Jawatankuasa, kerana ianya diambil terus oleh Jawatankuasa Daerah.

Didapati bukan sahaja tidak ada penglibatan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam rancangan penanaman padi, bahkan ketua-ketua kampung, yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu, yang ditemui di Pahang Tua dan Tanah Puteh; menyatakan bahawa mereka sendiri tidak mengetahui dengan sepenuhnya akan rancangan yang dijalankan di kawasan penanaman padi Pahang Tua itu. Mereka juga tidak mengetahui apa rancangan-rancangan yang akan dijalankan ke atas kampung-kampung mereka.

Jadi ketiadaan penglibatan penduduk-penduduk tempatan dalam perancangan menimbulkan ketiadaan sefahaman antara kehendak perancang dengan kehendak penduduk tempatan. Maka inilah satu daripada sebab tiadanya kerjasama penduduk-penduduk tempatan dalam projek-projek yang dilancarkan oleh kerajaan.

Kelamahan Persediaan Teknologi

1. Masalah Jentera Membajak merupakan masalah utama yang menjadi kelohan petani-petani. Petani-petani hanya mengharapkan bantuan jentera daripada Jabatan Pertanian. Sekiranya Jabatan Pertanian gagal untuk menyediakan banyak jentera maka bermakna keluasan sawah yang dikerjakan juga turut berkurangan. Menurut pendapat Penolong Pegawai Pertanian Daerah Pekan, bukan dasar Jabatan Pertanian Negeri menyediakan kemudahan jentera bagi petani-petani. Jadi di sini kelihatan bahawa tidak ada satu ejensi atau badan yang sanggup mengendalikan masalah jentera. Perancang mengharapkan dengan pengenalan jentera membajak petani-petani akan dengan sendirinya membeli jentera-jentera ini. Hal ini sebenarnya tidak mungkin kerana petani-petani tidak mampu berbuat demikian. Daripada 1,075 orang petani-petani yang mengerjakan sawah didapati hanya 8 orang sahaja yang memiliki jentera membajak. 56% daripada petani-petani memikirkan bahawa memiliki jentera membajak

adalah tidak ekonomikal memandangkan pemilikan sawah mereka yang kecil (purata 2.62 ekar). Tambahan pula penyelidikan menunjukkan 84% petani-petani tidak tahu mengendali jentera, jadi tidak ada gunanya membeli jentera itu.

Perancangan Penanaman padi di Pahang Tua seharusnya memandang berat terhadap masalah jentera kerana ini merupakan faktor utama dalam kejayaan rancangan itu. Satu cara untuk mengadakan jentera membajak samada kepunyaan Beramai ataupun persendirian harus dijalankan. Persatuan Peladang harus diberi tugas penting dalam usaha mengatasi masalah jentera dengan membeli jentera-jentera membajak yang boleh dijadikan hak milik beramai. Ejen perancangan juga harus memberikan pengetahuan yang cukup kepada petani-petani bagaimana mereka boleh memiliki jentera membajak persendirian dengan cara yang lebih mudah melalui pinjaman bank-bank. Kita sedari bahawa kerajaan telah membentuk "credit guaranteed cooperation" bagi memudahkan pinjaman kepada petani-petani. Meskipun demikian petani-petani tidak mengetahui akan hal ini dan walaupun ada setengah-setengah yang tahu bahawa wujudnya pinjaman yang sedemikian rupa, mereka tidak tahu bagaimana hendak mendapatnya. Penyelidikan menunjukkan bahawa 12% sahaja petani-petani yang boleh dikatakan tahu akan kegunaan bank bagi faedah mereka. Jadi adalah tugas Perancang untuk bukan sahaja memberi penerangan yang mendalam tentang adanya badan-badan di mana petani-petani boleh membuat pinjaman, bahkan membantu mereka untuk membuat pinjaman itu. Dengan keupayaan mereka sendiri petani-petani sudah tentu tidak dapat membuat pinjaman bank. Di samping petani-petani tidak memahami akan cara-cara membuat pinjaman, bank-bank pula kurang yakin akan kebolehan petani-petani untuk membayar balik. Hal ini dinyatakan oleh Pengarah Bahagian Pinjaman MARA, dalam Berita Harian keluaran 18hb.

July, 1974. Antara lain akhbar itu menyatakan, "Pengarah Bahagian Pinjaman sangat kesal atas sikap bank-bank di negara ini yang masih ragu-ragu atas kemampuan kaum bumiputra di bidang perniagaan."

2. Dengan kelemahan organisasi perancangan maka masalah air tidak dapat diatasi. Walaupun pada hakikatnya pembekalan air adalah tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair namun Jabatan Parit dan Taliair tidak bertanggungjawab untuk memperbaiki parit-parit dan taliair yang telah disediakan itu. Juga bukan tugasnya untuk membina lebih banyak lagi parit-parit kecil yang berkurangan di kawasan penanaman padi. Masalah parit-parit kecil ini tidak begitu rumit sebenarnya jika ada Perancang yang benar-benar ingin mengatasi masalah ini. Dengan inisiatif dan dedikasi, perancang boleh mengerakkan tenaga orang-orang kampung melalui 'gotong royong' untuk membina parit-parit ini bagi kepentingan mereka sendiri. Ketua-ketua Paya boleh diberikan tugas yang lebih efektif dalam melaksanakan hal ini. Mengikut Chin dan Benne, "A change is proposed by some person or group which knows the situation that is desirable, effective and in line with the self-interest of the person, group, organization or community which will be effected by the change. Because the person (or group) is assumed to be rational and moved by self-interest, it is assumed that he (or they) will adopt the proposed change if it can be shown by proposer (s) that he (or they) will gain by the change."²³ Di Pahang Tua kita dapati tidak ada orang perseorangan atau kumpulan yang sedemikian rupa; membuat proposisi bagi satu-satu projek yang boleh dibuat bersama dengan petani-petani.

²³ Bennis, Benne and Chin, op. cit. Halaman 34

Oleh sebab pembahagian air kebendang-bendang adalah tidak memuaskan, maka bagaimana boleh menjayakan tanaman padi yang seratus peratus.

3. Pendidikan Teknik serta latihan-latihan cara penanaman moden nyata sekali sangat kurang diberikan kepada petani-petani. Latihan-latihan dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian tidak ditujukan kepada petani-petani yang benar-benar mengerjakan sawah, tetapi kepada anak-anak petani ini yang tidak mengerjakan sawah. Masaalah pendidikan teknik ini adalah masaalah yang 'segera' (immediate). Oleh itu petani 'tua' ini mesti diberi latihan teknik penanaman moden, utamanya cara-cara membajak dengan menggunakan jentera, kerana kalau tidak selama dua puluh hingga tiga puluh tahun yang akan datang, (iaitu selama petani-petani tua ini masih hidup) Rancangan Penanaman padi di Pahang Tua ini akan terus gagal.

Kelompok sawah dari segi pemilihan adalah tidak memuaskan. Tanah sawah yang boleh mendatangkan pendapatan yang baik, iaitu sawah dengan pendapatan sebanyak kurang dari kilang-kilang sebanyak \$100.00 setahun, mestilah sekurang-kurangnya 5 ekar dan di tanah dan subur.

¹ Menurut ungkapan Angus Maddison: "It is perhaps useful to comment here on the role of institutional obstacles to economic development because their importance is so often exaggerated. The desire for material improvement is now overwhelmingly strong in poor countries and the motivation is so powerful enough to reduce the importance of barriers which kept them back in the past. Authoritarian social arrangements still hamper growth, but there are no cases they have stopped it from occurring. Muslim, Jew, Hinduism, Buddhism, Confucius, Catholic and Orthodox Christian has shown as much eagerness for material progress as the earlier disciples of Protestantism." (Maddison, Angus. Economic Progress and Policy Developing Countries, George Allen & Unwin Ltd., 1970, halaman 57).

² Uraian yang dibuat oleh Lembaga Pertubuhan Padiang, dalam Kertas Kerja oleh Ketua Pengerusi Lembaga itu. Mibentang dalam seminar di Raja Besar, Kuantan pada Dis. November, 1973.

BAB IV

MASALAH SOSIAL DALAM PERANCANGAN

Masalah Sosio-Ekonomi Dalam Perancangan

Faktor-faktor sosio-ekonomi sememangnya wujud dalam masalah penanaman padi di Pahang Tua ini. Meskipun demikian ianya tidaklah merupakan masalah yang utama kegagalan Rancangan.¹ Kajian menunjukkan ada unsur-unsur sosio-ekonomi yang disebaliknya wujud akibat dari Perancangan yang lemah. Di samping itu banyak daripada masalah-masalah sosio-ekonomi ini boleh diperbaiki. Jadi di sini pengetahuan latar belakang sosio-ekonomi adalah sangat berfaedah dalam process Perancangan.

1. Pemilikan Sawah

Keluasan sawah dari segi pemilikan adalah tidak ekonomikal. Tanah sawah yang boleh mendatangkan pendapatan yang baik, iaitu sama dengan pendapatan seorang buruh di kilang-kilang sebanyak \$200.00 sebulan, mestilah sekurang-kurangnya 6 ekar dan di tanam dua musim.²

¹ Memetik ungkapan Angus Madison: "It is perhaps useful to comment here on the role of institutional obstacles to economic development because their importance is so often exaggerated. The desire for material improvement is now overwhelmingly strong in poor countries and the motivation is so powerful enough to reduce the importance of barriers which kept them back in the past. Anachronistic social arrangement still hamper growth, but there are no cases they have stopped it from occurring. Muslim, Jews, Anamistic, Buddist, Confucious, Catholic and Orthodox Christian has shown as much eagerness for material progress as the earlier disciples of Protestants Ethic." (Maddison, Angus. Economic Progress and Policy Developing Countries, George Allen & Unwin Ltd., 1970, Halaman 87).

² Ukuran yang dibuat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, dalam Kertas Kerja oleh Ketua Pengarah Lembaga itu. Dibentang dalam seminar di Paya Besar, Kuantan pada 5hb, November, 1973.

Kalau dilihat di Pahang Tua pembahagian sawah adalah seperti berikut:-

6 ekar dan lebih	-	9%
4 hingga 5.9 ekar	-	8%
2 hingga 3.9 ekar	-	40%
kurang 2 ekar	-	24%
tak ada sawah	-	19%

Jadi didapati hanya 9% daripada petani-petani yang mempunyai potensi produktif, itupun kalau diusahakan dengan penanaman dua kali setahun. Jumlah besar petani-petani mempunyai tanah yang kurang dari empat ekar dengan purata pemilikan 2.62 ekar. Dengan keluasan tanah sebanyak itu maka purata pendapatan sudah tentu jauh lebih kurang daripada pendapatan buruh kilang. Penanaman padi di Pahang Tua ini merupakan penanaman padi musim dan pengeluaran puratanya; daripada penyelidikan, adalah kira-kira 320 gantang seekar. Ini menyebabkan purata pendapatan seorang petani itu adalah kira-kira 838.4 gantang dan dengan harga sebanyak 80¢ bagi tiap-tiap gantang (harga yang ditawarkan oleh Persatuan Peladang) bagi padi yang belum di mesin, bererti pendapatan setahun dari penanaman padi adalah \$640.72, bersamaan dengan pendapatan bulanan sebanyak \$53.39.

Jadi di sini jelas sekali bahawa penanaman padi tidak dapat memberikan pendapatan yang secukupnya bagi menampung sara hidup petani-petani tanpa dibantu dengan perusahaan-perusahaan lain.

2. Kerja Yang Berbagai-bagai

Hasil daripada pemilikan sawah yang tidak ekonomikal maka terdapat kerja-kerja pertanian yang beraneka bentuk di samping penanaman padi. Di Pahang Tua ini selain dari menanam padi petani-petani juga menjalankan usaha-usaha menanam getah, kelapa, sayur-sayuran, bertukang kayu, serta ada juga yang bekerja tetap sebagai buruh. Hal ini dapat

dilihat dari sumber pendapatan utama mereka:-

Pendapatan Utama

Daripada padi	20%
getah	15%
kerja buruh	16%
*lain2 kerja	49%

Sungguhpun 20% daripada petani-petani ini sumber pendapatan utama mereka datangnya dari penanaman padi, ini tidak bermakna bahawa petani-petani ini tidak melakukan perusahaan lain. Jumlah petani-petani yang benar-benar boleh dianggap sebagai penanam padi 'full-time' hanyalah 1% sahaja. Ini dapat dilihat daripada penumpuan masa yang diberikan oleh petani-petani terhadap penanaman padi berbanding dengan lain-lain perusahaan.

Pembahagian Masa Untuk Menanam Padi
Berbanding Dengan Kerja2 Lain*

Seluruh masa kerja	1%
$\frac{1}{4}$ masa sahaja	4%
$\frac{1}{2}$ masa sahaja	13%
$\frac{3}{4}$ masa sahaja	82%

Jadi didapati penanaman padi bukanlah merupakan kegiatan pertanian yang utama kerana disamping bidang-bidang sawah kepunyaan mereka, petani-petani juga mempunyai tanah-tanah yang diusahakan dengan pertanian lain. Sering penanaman lain ini memberikan pendapatan yang lumayan serta

*Lain-lain kerja, adalah kerja-kerja seperti pekadai, dan kerja-kerja sambilan (ambil upah, tukang kayu dan lain-lain).

** Ukuran ini adalah ukuran yang diberikan oleh petani-petani sendiri daripada penilaian mereka. Pengkaji hanya memberikan angka 1, $\frac{3}{4}$, $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$ untuk dipilih.

dengan berat, kerana ada perusahaan lain untuk petani-petani berpaling.

Ekonomi yang berbagai bentuk ini adalah satu perkara yang tidak dapat dialakkan. Untuk menumpukan masa sepenuhnya terhadap penanaman padi di atas sawah yang kecil (purata 2.62 ekar) sudah tentu tidak ekonomikal. Kalau diteliti luas sawah yang kecil itu tidak memerlukan masa yang banyak untuk mengusahakannya sekiranya petani-petani menggunakan jentera membajak. Jadi tidak ada sebab mengapa mereka tidak harus menjalankan kegiatan ekonomi lain disamping menanam padi. Dari pandangan ini tidak ada kebenarannya untuk memperkatakan bahawa kegagalan rancangan menanam padi adalah disebabkan oleh kerja yang berbagai-bagai ini. Di Kejayaan dan kegagalan di sini letaknya pada 'jentera membajak', yang tidak cukup untuk digunakan di sawah-sawah padi.

3. Minat Terhadap Penanaman Padi

Bilangan besar petani-petani yang mengerjakan sawah terdiri daripada petani-petani yang boleh dianggap 'lanjutan umur' iaitu tidak melibatkan golongan belia. Perkara ini disebabkan oleh anggapan bahawa kerja-kerja di sawah adalah tidak layak bagi orang-orang muda. Di bawah ini menunjukkan pembahagian petani-petani mengikut umur:-

Pembahagian Petani Mengikut Umur

Lebih daripada 60 tahun	8%
51 hingga 60 tahun	30%
41 hingga 50 tahun	34%
31 hingga 40 tahun	14%
21 hingga 30 tahun	8%
20 tahun ke bawah	2%

Walaupun banyak di antara pemuda-pemuda kampung yang menganggur kerja tapi tidak dapat menjalankan kerja-kerja di kampung. Namun namun mereka ini lebih suka mengalir keluar dari kampung untuk mencari

kerja di bandar-bandar, khususnya kerja-kerja kilang atau buruh kontrek. Pandangan yang sejuk terhadap menanam padi bukan sahaja terdapat di kalangan belia-belie, bahkan ibu bapa mereka sendiri tidak menunjukkan galakan bagi anak-anak mereka untuk kerja di sawah. Dengan hal yang demikian terdapat 68% petani-petani di Pahang Tua yang mempunyai anak-anak yang mengalir keluar untuk mencari kerja atau yang telahpun bekerja di bandar-bandar. (Bilangan ini tidak termasuk pengaliran kerana membuat kerja-kerja 'professional' ataupun untuk menuntut).

Petani-petani umumnya tidak yakin bahawa kerja-kerja kampung dapat memberi keselamatan hidup bagi mereka. Maka itulah sebabnya 65% berpendapat, pengaliran keluar anak-anak mereka adalah baik. Di samping menjamin pendapatan yang tetap bagi anak-anak ini, serta mengurangkan beban tanggung-jawab ibu bapa, anak-anak yang bekerja di luar kampung biasanya mengirim wang bulanan kepada orang-orang tua mereka. Dengan ini dapat membantu ibu bapa di kampung yang sentiasa dalam kesempitan.

Satu perkara yang menarik perhatian lagi ialah tanggapan bahawa di kampung tidak ada kerja bagi anak-anak muda yang manganggur, maka itulah sebabnya ada baik bagi anak-anak muda ini keluar mencari kerja di bandar. Ini adalah benar. Tanah-tanah di kampung bukan sahaja tidak cukup bahkan adalah terlalu kecil serta tidak ekonomikal untuk diusahakan. Tambahan pula tidak ada kerja di kampung yang memberi pendapatan lumayan setanding dengan pendapatan seorang buruh di bandar-bandar. Oleh itu tidak heranlah mengapa kurang sangat belia-belie yang terlibat dalam penanaman padi di Pahang Tua ini.

Untuk menarik minat belia-belie kampung mengusahakan sawah-sawah padi memang tidak wajar selagi sistem sosial demikian rupa di mana kerja-kerja tani tidak dapat menandingi kerja-kerja di kilang-kilang. Tanah-

tanah yang kecil itu jika dibanjiri oleh belia-belia sudah tentu menyebabkan pembaziran tenaga kerja kerana tenaga yang ada sekarang adalah lebih dari mencukupi. Petani-petani 'lama' (maksudnya orang-orang tua ini) mempunyai asas pendidikan yang cukup untuk dijadikan landasan bagi menambahkan ilmu pengetahuan tentang teknik-teknik moden. Penyelidikan menunjukkan bahawa takat buta huruf amat rendah sekali di kalangan petani-petani Pahang Tua. Asas pendidikan yang ada pada petani-petani jika diberi perhatian yang berat harus dapat mendorong kepada perubahan teknik penanaman moden dengan lebih cepat. Menurut Arensberg dan Neihoff, "The speed with which the people of the underdeveloped nations have learned to use western devices has been extremely rapid. Such people can learn if given a chance, but it is only reasonable to do it in step rather than attempt to force them to make an immediate jump from simple village technology to one comparable to that used in the west." Jadi dengan keadaan petani-petani yang 'tidak buta huruf' maka potensi untuk melatih mereka dengan teknik-teknik moden adalah lebih baik serta menjamin faedah yang lebih cepat.

4. Keperluan Petani

Kejayaan satu-satu projek pembangunan bukanlah datangnya dari pihak perancang semata-mata, bahkan kesedaran juga harus datang dari pihak penerima. Kesedaran dari pihak penerima dapat dicerminkan dari keperluan mereka. Sekiranya ada keperluan bagi petani-petani untuk meninggikan taraf hidup, ini dianggap sebagai petanda yang baik bagi menjamin kejayaan dalam lapangan pembangunan.

Daripada penyelidikan didapati 24% petani-petani inginkan kedudukan ekonomi yang baik; (iaitu memperlihatkan semangat 'competitive') 42% mahukan keperluan asas yang lebih baik daripada paras kemiskinan; 33% mahukan status yang baik. (Iaitu ingin dihormati dengan cara naik haji mitalnya).

Data-data di atas ini menunjukkan satu perkara yang jelas, iaitu keperluan petani-petani pada keseluruhan tidak menunjukkan rintangan yang positif terhadap kemajuan penanaman padi. 66% petani-petani menunjukkan ada kecenderungan untuk memajukan sektor pertanian dan hanya 33% yang inginkan status baik, boleh dikatakan sebagai menghalang kemajuan.

5. Kegamaan

Michael Argyle menyatakan, "It is also found that there are differences in motivation between religious domination."⁴ Protestant dan Jews mempunyai "achievement tendencies" yang tinggi daripada Katholik. Ini memberikan kemajuan 'industrialisation' yang lambat dikalangan negara-negara Katholik seperti Ireland, Spanyol dan Italy.⁵ Islam seperti yang diamalkan oleh penduduk-penduduk di Pahang Tua ini juga merupakan satu rintangan yang melambatkan proses kemajuan. Pengajaran Islam sesuai dengan perkembangan, sebagaimana yang disiarkan di radio dan talivisyen tidak terjejas langsung kepada orang-orang kampung. Konsep Islam sebagai satu keseluruhan kebudayaan yang menrangkumi segala gerak laku manusia, tidak diketahui. Agama Islam bagi petani-petani ini khusus merupakan upacara 'ibadat'; oleh itu ekonomi, politik, dan sosial adalah berasingan daripada ke-islaman. Maka tidak heran apabila diselidik, didapati bahawa 80% menganggap Agama Islam hanya untuk 'akhirat'. Agama tidak ada memberi kebahagiaan hidup didunia. Semangat berlumba-lumba untuk mencari harta sesuai dengan ekonomi kapitalisma adalah satu yang dikecam oleh mereka. Mereka berpendapat bahawa manusia tidak harus 'tamak' dengan kekayaan di dunia kerana keseronokan hidup akan menyebabkan manusia lupa akan Tuhan.

⁴Argyle, Michael., Psychology and Social Problem, Methuen & Co. 1964, Halaman 30.

⁵Ibid.

Jadi di sini di lihat bahawa Islam yang disampaikan oleh petani-petani adalah tidak bersesuaian dengan perkembangan ekonomi yang pesat di negara ini dan dengan hal yang demikian merupakan faktor yang melambatkan proses kemajuan.

Agama mempunyai potensi untuk menghindarkan Rancangan, tetapi bagi Perancangan di Pahang Tua faktor agama walaupun ada bukan merupakan faktor besar. Ini adalah kerana desak hidup yang miskin sudah cukup untuk mengatasi faktor 'tidak competitive' yang diperlihatkan oleh amalan agama. 66% petani-petani menunjukkan keperluan untuk meninggikan taraf hidup. Bagaimanapun Islam yang dianuti oleh petani-petani ini boleh diperbaiki dengan dakwah-dakwah Islam yang moden. Pahang Tua hanya tujuh batu dari bandar Pekan, di mana Jabatan Agama Negeri Pahang dipusatkan. Dengan adanya ahli-ahli agama yang berkelulusan Universiti Timur Tengah, jalan-jalan untuk menyebarkan ajaran yang betul adalah banyak sekali. Tenaga cerdik pandai agama ini harus digunakan dengan lebih efektif daripada membiarkan semata-mata kepada ulama-ulama kampung.

6. Hubungan Pegawai dan Petani

Hubungan yang baik antara pegawai-pegawai yang merancang dengan petani-petani adalah satu-satunya yang diharapkan. Dengan adanya hubungan baik barulah nasihat serta tunjuk ajar dapat disampaikan kepada petani-petani dalam keadaan yang tenteram. Dilihat hanya 21% petani-petani yang ada membuat hubungan dengan pegawai-pegawai samaada di pejabat ataupun di bandang-bandang mereka. 66% jarang-jarang bertemu pegawai-pegawai yang merancang; (sekali dua dalam setahun), manakala 13% tidak pernah berjumpa langsung. Hubungan yang dibuat oleh petani-petani dengan pegawai-pegawai bukan bermakna mereka berjumpa untuk mendapatkan nasihat tiap-tiap kali. Daripada 21% yang sering bertemu pegawai-pegawai yang merancang, 17%

sahaja menyatakan bahawa tujuan mereka untuk berbuat demikian di samping urusan-urusan lain. Bilangan besar yang bertemu pegawai-pegawai samada kerap ataupun jarang-jarang adalah semata-mata untuk membeli keperluan ladang atau membuat permohonan-permohonan.,

Satu perkara lagi yang didapati bahawa hubungan antara petani-petani dengan pegawai-pegawai ini menunjukkan hubungan 'satu hala', di mana petani-petani yang diharapkan untuk bertemu pegawai-pegawai. Pegawai-pegawai hanya menanti kedatangan petani-petani untuk mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi mereka dalam masa menjalankan kerja. Petani-petani, bahagian besarnya tidak memikirkan bahawa nasihat dan tunjuk ajar ini perlu kerana pada pandangan mereka penanaman padi ini telah kian lama dijalankan dan mereka sudah mahir dalam bidang itu. Yang menjadi kesulitan bagi mereka adalah untuk mendapatkan jentera, bekalan air yang mencukupi dan bantuan kebendaan daripada kerajaan. Kesemua ini tidak perlukan nasihat kerana mereka tahu di mana untuk membuat aduan dan 'petition'.

7. Hubungan petani-petani dengan pegawai-pegawai yang merancang, seperti yang dinyatakan mestilah menunjukkan perhubungan yang erat. Terutamanya dalam perubahan yang menitik beratkan perubahan berancang. Dalam mana-mana perubahan berancang oleh kerana kehendak, serta tanggungjawab datangnya dari pihak perancang (kerajaan) maka seharusnya segala 'initiative' mesti diambil oleh perancang. Jadi sekiranya hubungan antara petani-petani dengan pegawai-pegawai yang merancang itu tidak baik maka adalah tugas perancang (pegawai-pegawai) ini untuk memperbaiki hubungan ini. Masalah di Pahang Tua ini sebenarnya merupakan masalah siapa yang harus mengambil daya utama dalam membuat hubungan; petani-petani atau pegawai-pegawai merancang. Manakala pegawai-pegawai memikirkan petani-

petani harus datang menemui mereka untuk mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar (kerana memanglah dari segi kebiasaannya orang yang mahukan ilmu mencari guru); tetapi petani-petani pula memikirkan bahawa adalah tugas pegawai-pegawai ini untuk pergi ke bendang-bendang untuk menemui mereka. Kontradiksi tanggung-jawab ini adalah asas bagi menyelesaikan masalah hubungan antara petani-petani dengan pegawai-pegawai dan oleh kerana gagalnya satu-satu rancangan dicerminkan oleh kurang berhati-hati dalam perancangan, maka seharusnya masalah ini diselesaikan terlebih dahulu. Perubahan berancangan adalah datangnya dari kesedaran, disenghajakan dan tujuan kerajaan maka kesedaran bagi memperbaiki hubungan ini juga harusnya datang dari perancang (kerajaan). Dalam kontek ini kejayaan satu-satu rancangan pada bahagian besarnya bergantung kepada perancangan. Sekiranya hubungan antara perancang dengan petani-petani itu baik maka akan ujud keadaan percaya mempercayai antara satu sama lain. Ini akan mendorong kepada kerjasama petani-petani dalam apa sahaja cadangan yang dibuat oleh perancang.

7. Sikap Pegawai-Pegawai Terhadap Petani-Petani

Pegawai-pegawai yang terlibat dengan Rancangan Penanaman padi, apabila ditemui menerangkan bahawa sikap petani-petani terhadap Rancangan yang dijalankan ke atas mereka merupakan satu penghalang kemajuan. Penduduk-penduduk Pahang Tua khususnya telah terkenal dengan sikap mereka yang 'keras kepala' dan tidak bekerjasama; sehingga pegawai-pegawai baru yang berkhidmat di situ, tanpa mengenali penduduk-penduduk tempatan telah ditanamkan dengan 'pre-concept idea' ini. Di samping itu petani-petani ini juga dikatakan gulungan yang pemalas, tidak mempunyai daya utama, dan sentiasa sahaja disuap oleh kerajaan.

Sikap petani-petani yang 'keras kepala' serta tidak bekerjasama

dengan kerajaan bukanlah satu-satunya yang semula jadi. Sikap yang sedemikian rupa, setelah diselidik, sering merupakan pengalihan petani-petani yang 'kecewa' (frustration). Kecewa kerana bukan dalam kemampuan mereka untuk melakukan sesuatu yang diharapkan oleh kerajaan, apa yang dilaung-laungkan oleh pegawai-pegawai yang merancang adalah jauh daripada kenyataan yang terdapat di Pahang Tua. Petani-petani tidak dapat membanyakkan jentera membajak, tidak dapat mengatasi masalah air, tidak dapat mengatasi masalah sawah yang tinggi rendah, tidak dapat menyuarakan pandangan mereka kerana mereka tidak dilibatkan dalam perancangan. Jadi bagaimanakah petani-petani ini tidak 'frust'. Bagaimanakah mereka hendak bekerjasama.

Sikap keras kepala ini tidak akan timbul sekiranya material untuk melaksanakan rancangan adalah cukup bagi kegunaan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa persediaan 'material' di bidang ekonomi amat cetek sekali dirancang. Petani-petani, seperti manusia lain adalah rational dalam pemikiran serta digerak oleh motivation sekiranya faedah untuk melakukan sesuatu dapat dilihat oleh mereka. Jadi masalah yang sebenar mengakibatkan sikap yang keras kepala dan tidak bekerjasama adalah, petani-petani mempunyai dorongan yang kuat untuk memajukan diri mereka sendiri tetapi oleh sebab tidak ada kebendaan yang boleh digunakan untuk tujuan ini, maka mereka bertindak sebagai penentang kepada rancangan yang dijalankan.

ada faktor-faktor berikut:-

2. Organisasi dan Pelaksanaan Rancangan

1. Tiadanya inovasi atau sikap yang benar-benar bertanggung jawab oleh perancang.
2. Tiadanya kerjasama yang bertepatan.

BAB V

KESIMPULAN

Dalam beberapa halaman di atas telah dikemukakan masalah-masalah yang berhubungan dengan kegagalan penanaman padi di Pahang Tua. Masalah - masalah ini boleh dibahagikan kepada dua ketogori; pertamanya, masalah yang benar-benar menyebabkan kegagalan dan keduanya, masalah yang dianggap sebagai faktor kegagalan.

Masalah pertama, iaitu yang benar-benar menyebabkan kegagalan merangkumi tiga aspek dalam perancangan:-

- (a) Organisasi dan Pentadbiran Rancangan;
- (b) Persediaan teknologi dan
- (c) Masalah Sosial yang wujud daripada organisasi dan persediaan teknologi.

Masalah yang kedua adalah masalah sosial yang lahir daripada perlakuan petani-petani dan ini pada keseluruhannya dibuktikan tidak menyumbangkan apa-apa terhadap kegagalan rancangan penanaman padi di Pahang Tua.

Secara ringkasnya kegagalan penanaman padi dua musim dan juga kegagalan penanaman dengan keluasan seratus peratus adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

A. Organisasi dan Pentadbiran Rancangan

1. Tiadanya innovator atau ejensi tunggal yang benar-benar bertanggung jawab atas perancangan.
2. Tiadanya rancangan yang berterusan.

3. Tiadanya Skema Kerja yang boleh digunakan sebagai panduan.
4. Tiadanya pengalibatan penduduk tempatan dalam Rancangan.
5. Hakikat Pembangunan Masyarakat itu sendiri seolah-olah tidak difahami oleh pegawai-pegawai yang merancang.

B. Persediaan Teknologi

6. Kekurang jentera membajak yang tidak dapat di atasi oleh perancang ataupun petani-petani.
7. Pembahagian air yang tidak seratus peratus disebabkan pertamanya, tanah yang tinggi rendah; keduanya, terdapat taliair yang rendah daripada paras sawah; ketiganya, ketiadaan parit-parit kecil untuk mengalirkan air ke sawah-sawah yang letak jauh ke tengah. Jadi bilamana air hanya dapat dibahagikan dengan baik kepada 67% sawah manakan boleh keluasan sawah diusahakan dengan seratus peratus.
8. Pendidikan teknologi yang rendah dikalangan petani-petani di mana hanya 7% sahaja yang telah diberi kursus-kursus latihan teknik.

C. Faktor Sosial

9. Sikap petani yang tidak bekerjasama dengan perancang yang menyebabkan jadual kerja tidak dapat diikuti dengan baik. Hal ini sebenarnya adalah akibat daripada Organisasi dan persediaan teknologi yang lemah dan bukan daripada sikap petani yang semula jadi.
10. Hubungan pegawai dan petani-petani yang tidak memuaskan

sehingga kedua-dua pihak seolah-olah menanti siapa yang sepatutnya membuat daya utama. Ini juga merupakan akibat daripada kurang faham perancang akan hakikat Perubahan Berancang (Planned Change).

Jadi sepuluh faktor yang diterangkan di atas inilah sebenarnya merupakan sebab-sebab kegagalan rancangan penanaman padi di Pahang Tua. Walaupun ada beberapa anggapan yang berbentuk masalah-masalah sosial yang sebenarnya wujud kalangan petani-petani, ini tidaklah memberi kesan secara langsung terhadap kegagalan. Masalah-masalah sosial yang dimaksudkan adalah:-

1. Kerja Yang Berbagai-bagai

Kerja yang berbagai (diversified economy) tidak memberikan ancaman kepada rancangan di Pahang Tua ini kerana; pertamanya, tanah-tanah sawah adalah terlalu kecil sehingga memerlukan pengkhususan; keduanya masa yang ditumpukan untuk menanam padi, walaupun dengan penanaman dua kali setahun, sekiranya menggunakan jentera membajak masih tidak panjang. Jadi tidak ada sebab mengapa kerja-kerja pertanian lain tidak boleh dijalankan.

2. Minat Belia Terhadap Penanaman Padi

Kurang minat belia-belia juga bukanlah satu ancaman. Memang benar belia-belia lepasan sekolah ini mempunyai pendidikan asas sains yang dipelajari ke sekolah, dan akan memudahkan penerimaan teknik-teknik penanaman moden tetapi keadaan di Pahang Tua tidak membenarkan mereka berada di kampung. Pertamanya, tenaga mereka tidak diperlukan di sawah-sawah, kerana dengan adanya mereka akan bukan sahaja membazirkan tenaga bahkan akan mengurangkan lagi pendapatan benar petani-petani yang sedia ada. Kedua, tarikan kerja di bandar dengan pendapatan yang lumayan, adalah lebih kuat untuk meninggalkan kampung.

3. Keperluan Petani-Petani

Untuk memperkatakan bahawa petani-petani tidak mahu taraf hidup mereka ditinggikan, adalah tidak benar. Petani-petani bukanlah orang-orang yang senang. Penyelidikan menunjukkan bahawa 66% daripada mereka mempunyai 'achievement motivation' yang tinggi dibidang pertanian.

4. Keagamaan

Keagamaan menunjukkan kecenderungan untuk menghindar modenisasi secara umumnya, tetapi ini tidak mengancam keperluan petani-petani untuk meninggikan taraf hidup mereka. Masalah di Pahang Tua yang dapat dilihat adalah masalah meninggikan taraf hidup supaya lebih baik dari taraf kemiskinan. Pendapatan petani-petani dari penanaman padi ialah sebanyak \$53.39 dan walaupun dicampur dengan pendapatan-pendapatan daripada sumber lain, masih belum boleh menjadikan petani-petani ini kaya. Analan agama yang mengancam modenisasi ini sebenarnya disebabkan ajaran yang salah yang diterima oleh petani-petani selama ini.

Di samping masalah-masalah sosial ini kajian juga mendedahkan satu tanggapan yang salah yang sering diutarakan oleh pegawai-pegawai yang merancang. Ini ialah takat pendidikan petani-petani. Boleh dikatakan kesemua pegawai yang ditemui mengatakan bahawa petani-petani bahagian besarnya 'buta huruf'. Kajian menunjukkan bahawa ini adalah tidak benar kerana 88% petani-petani mempunyai pendidikan asas persekolahan dan mereka tahu menulis dan membaca. Pendidikan asas ini boleh menjadikan proses penerimaan teknik-teknik moden dipercepatkan sekiranya petani-petani diberi kesempatan untuk mempelajarinya.

Bagi kesimpulannya didapati bahawa Rancangan penanaman padi di Pahang Tua dan mungkin juga rancangan-rancangan luarbandar ditempat-tempat lain, menekan kepada tiga aspek yang penting untuk menjamin kejayaannya; iaitu organisasi dan pentadbiran rancangan, persediaan teknologi,

dan masalah sosial yang ujud akibat daripada Organisasi dan Teknologi ini. Masalah sosial ini boleh di atasi sekiranya organisasi dan teknologi itu baik. Jadi kejayaan rancangan penanaman padi atau mana-mana rancangan pembangunan luarbandar yang berteraskan 'Perubahan Berancang' (Planned Change) bergantung semata-mata atas organisasi dan pentadbiran rancangan dan juga persediaan teknologi.

Oleh itu adalah tidak benar bahawa kegagalan rancangan luarbandar itu disebabkan persediaan teknologi yang lemah, seperti yang dinyatakan di dalam 'haipotesis' pada awal kajian ini. Kedua-dua faktor organisasi dan teknologi bukan sahaja sama pentingnya bahkan saling bergantung. Organisasi yang baik tanpa persediaan teknologi yang baik, tidak boleh menjamin kejayaan dan begitu juga persediaan teknologi yang baik tanpa organisasi yang baik, tidak akan memberi makna kepada rancangan.

JADUAL TEMUDUGA

1. Bilangan Peserta: Umur:
2. Tempat Tinggal Tetap:
3. Adakah mengerjakan sawah sendiri atau menyewa:
4. Luas tanah yang dimiliki sendiri:
5. Luas sawah yang ditanam dengan padi:
6. Jumlah bilangan ahli dalam famili:
7. Bilangan ahli famili yang mengerjakan sawah:
8. Bilangan anak/adik/abang yang bekerja/belajar di luar kampung:
9. Jenis pekerjaan/pelajaran yang dibuat:
10. Apa pandangan anda terhadap pengaliran anak-anak muda keluar dari kampung untuk mencari kerja: Baik/Tak Baik.
11. Mengapa baik/tak baik:
12. Adakah tanaman-tanaman lain yang dikerjakan selain dari menanam padi:
13. Adakah perusahaan/tanaman yang memberi pendapatan UTAMA kepada anda:
14. Milaikan Bahagian Masa yang ditumpukan bagi penanaman padi berbanding dengan perusahaan/tanaman lain: (1/4/4/4)
15. Mengapa anda tanam padi:
16. Berapa gantang se ekar anda perolehi dalam tahun 1973:
17. Berapa lama telah menanam padi:
18. Adakah hasil padi itu: cukup makan/tak cukup makan/dapat dijual.
19. Berapa peratus dari hasil dijual:
20. Bagaimana sawah anda dibajak: (jentera/kerbau)
21. Adakah anda mempunyai jentera membajak: Ada/tiada
22. Adakah anda mengendalikan jentera membajak sendiri/upah.

23. Bolehkah anda mengendalikan jentera: Boleh/Tak boleh.
24. Pada pandangan anda, adakah perlu bagi anda memiliki jentera membajak ini: Perlu/Tak Perlu.
25. Sekiranya tak perlu, mengapa:
26. Pada pandangan anda, apa gunanya Persatuan Peladang:
27. Adakah anda menjadi ahli Persatuan Peladang:
28. Adakah Persatuan Peladang ini perlu bagi petani-petani di Pahang Tua: Perlu/Tak perlu
29. Mengapa perlu/Tak perlu:
30. Apakah kursus/atau latihan Pertanian yang anda telah terima:
31. Siapa yang menganjurkan:
32. Bolehkah anda menulis dan membaca: boleh/tak boleh
33. Anda bersekolah sampai darjah/Tingkatan berapa:
34. Pernahkah anda menghubungi pegawai-pegawai (yang merancang). Berapa kali dalam satu musim menanam padi:
35. Mengapa anda menghubungi pegawai ini:
36. Pegawai mana yang sering anda hubungi:
37. Adakah pegawai-pegawai selalu mengadakan perjumpaan dengan orang-orang kampung: selalu/jarang-jarang/tak ada.
38. Apa tujuan diadakan perjumpaan ini:
39. Siapa yang memberitahu anda tentang masa/organisasi kerja:
40. Adakah anda memegang apa-apa peranan dalam Jawatankuasa Perancangan:
41. Adakah bantuan kerajaan kepada petani-petani perlu/tak perlu.
42. Mengapa perlu/tak perlu:
43. Adakah bantuan yang diberikan kepada anda sekarang cukup/tak cukup/melebihi.
44. Apakah masalah-masalah dalam menjalankan tanaman cara moden:

45. Apa pandangan anda tentang tanaman dua kali setahun:
46. Pada pandangan anda, adakah usaha anda dalam penanaman padi ini sudah berjaya:
Mengapa:
47. Adakah rancangan kerajaan untuk meninggikan taraf hidup petani di kawasan ini telah berjaya: sudah berjaya/hampir berjaya/tidak berjaya.
48. Sekiranya tidak berjaya, pada pandangan anda bagaimana ianya boleh diperbaiki:
49. Adakah anda sanggup menyertai mana-mana Jawatankuasa Rancangan: Sanggup/Tak sanggup.
50. Pada pandangan anda, bolehkah seorang penanam padi itu jadi kaya: Boleh/Tak boleh.
51. Sekiranya anda banyak wang apa yang UTAMA anda buat:
52. Pada pendapat anda adakah Bank memberi faedah kepada orang-orang kampung:
Kalau ada bagaimana:
53. Adakah anda menyimpan wang dalam bank: ada/tak ada.
Sekiranya ada, mengapa:
54. Bagaimana pandangan anda tentang 'credit':
55. Adakah anda memegang mana-mana Saham: Ada/tak ada
Jenis Saham yang dipegang :
56. Pada pandangan anda mengapa saham dijual:
57. Apa bentuk kesenangan yang diberi oleh Agama didunia (jika ada):
58. Dari segi agama adakah patut seseorang itu mengumpul harta berlebihan: Patut/tak patut.
59. Mengapa patut/Tak patut:

60. Adakah semangat berlumba-lumba mencari harta mengancam agama:
Mengancam/Tak mengancam.
61. Pada pandangan anda adakah modenisasi mengancam kehidupan orang-orang Melayu: Mengancam/Tak Mengancam.
62. Mengapa:
63. Apa bentuk syarahan agama yang anda terima:
64. Siapa yang menganjurkan:
65. Berapa kerap syarahan-syarahan ini diadakan:
66. Berapa kerap anda menghadirinya: (semua/bahagian besar/kadang-kadang).
67. Pada pandangan anda adakah Ketua Paya kawasan anda itu seorang yang cekap menjalankan kerja: Cekap/tak cekap/tak tahu.
68. Bagaimana pandangan anda terhadap Penghulu Mukim anda:
69. Adakah anda mengetahui sepenuhnya satu-satu Rancangan kerajaan, misalnya Rancangan Penanaman padi, sebelum ianya dijalankan, tahu sedikit/tak tahu.
70. Sekiranya anda mengetahui, bagaimana maklumat ini anda terima:
11. *Malaya, Nippon, Modernization: The Dynamic of Growth, Volume of Modern Farm Income, U.S. Information* Kawasan Penanaman Padi
BLOCK:

BIBLIOGRAPHI

1. Arensberg & Mishiff. Introducing Social Change, Aldine Publishing Co. Chicago, 1965.
2. Argyle, Michael. Psychology and Social Problem, Methuen Co. Ltd. and Social Science Paperbacks, London, 1964.
3. Batten, T.R. Communities and their Development, ELBS and Oxford University Press. 1957.
4. Bennis Benne and Chin (ed). Planning of Change, Holt, Rinehart & Winston Inc. 1969.
5. Cohen, Percy S. Modern Social Theory, Heinemann, London. 1970
6. Dumont, Rene. Types of Rural Economy, Methuen & Co. London. 1957.
7. LaPiere, Richard T. Social Change, McGraw-Hill Book Co. 1965.
8. Lim, Peter and Nathan, M.P. Basic Readings in Malaysian Economics, Modern Education Publishers, K.L. 1969.
9. Okun and Richardson. Studies in Economic Growth, Holt, Rinehart & Winston Inc. 1961.
10. Salvadurai, S. Ani Arope, Mik Hassani Mohammed. Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Areas of Kelantan, 1968, Ministry of Agriculture and Co-operative, Malaysia, October, 1969.
11. Weiner, Myron, Modernization; the Dynamic of Growth, Voice of America Forum Lectures, U.S. Information Agency, Washington, 1966.
12. Malaysia Year Book 1969/70, A Malay Mail Publication, K.L.
13. Modern Asian Studies, Vol. 1, Part 1, January 1967, Cambridge University Press.
14. Malaysia Year Book 1961 - 1963, Distribution oleh Jabatan Penerangan, K.L.
15. Malaysia Year Book 1964 - 1966, Distribution oleh Jabatan Penerangan, K.L.
16. Malaysia Year Book 1967 - 1969, Distribution oleh Jabatan Penerangan, K.L.
17. Malaysia Year Book 1970 - 1972, Distribution oleh Jabatan Penerangan, K.L.
18. Malaysia Year Book 1973 - 1975, Distribution oleh Jabatan Penerangan, K.L.

RISALAH DAN LAPURAN

1. Fail Pekan Bilangan 1/0681, Pejabat Daerah Pekan, Pahang.
2. Forum Pembangunan, Jilid 1, Bilangan 1, September, 1972, Percetakan Malaysia Barat, K.L. 1973
3. Gerakan Pembaharuan; Pembangunan Masyarakat, diterbitkan oleh Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri. Dicitak oleh Percetakan Abadi, Petaling Jaya.
4. Gerakan Pembaharuan 2, diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan dan dicetak oleh Percetakan MAS Sdn. Berhad, K.L.
5. Gerakan Pembaharuan 3, diterbitkan oleh Bahagian Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan dicetak oleh Utusan Melayu (M) Berhad, K.L.
6. Gerakan Pembaharuan 4, diterbitkan oleh Bahagian Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan dicetak oleh Utusan Melayu (M) Berhad, K.L.
7. Gerakan Pembaharuan 5, diterbitkan oleh Bahagian Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan dicetak oleh Utusan Melayu (M) Berhad, K.L.
8. Kertas Kerja oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang dalam seminar yang diadakan di Paya Besar, Kuantan pada 5hb. November, 1973.
9. Malaysia Secara Ringkas, diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan dan dicetak oleh Percetakan Central Berhad, Petaling Jaya.
10. Malaysia Year Book 1968/9, A Malay Mail Publication, K.L.
11. Modern Asian Studies, Vol. 1, Part 1, January 1967, Cambridge University Press.
12. Pembangunan Pahang 1961 - 1965, diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Pahang.
13. Risalah Untuk Persatuan Peladang Kawasan.
14. Second Malaysia Plan 1970 - 1975.